



BELUM DISAHKAN

3

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMENKETUJUH
Seventh Parliament

PENGGALPERTAMA
First Session

Jilid I Bil. 7 Hari Selasa 9hb Disember, 1986

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Tuan Abdul Manap bin Hashim (Ruangan 1)

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru (Ruangan 1)

Perutusan daripada Dewan Rakyat (Ruangan 1)

URUSAN MESYUARAT (Ruangan 2)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 3)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987 (Ruangan 37)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 9hb Disember, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Abdul Manap bin Hashim

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]**"Parlimen Malaysia,****Kuala Lumpur.****8hb Disember, 1986.**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Kewangan (Bank dan Institusi Kewangan); dan
7. Rang Undang-undang Kewangan (No.2).

Yang ikhlas,**t. t.****Yang di-Pertua Dewan Rakyat."****URUSAN MESYUARAT****Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);

6. Rang Undang-undang Kewangan (Bank dan Institusi Kewangan); dan
7. Rang Undang-undang Kewangan (No. 2).

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah,

JAWAPAN -JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

HUBUNGAN PEDAGANG BUKAN MELAYU DENGAN PENIAGA BUMIPUTERA

1. Tuan Haji Hussein bin Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan apakah Kerajaan sudah berpuas hati perhubungan institusi-institusi kewangan yang dimiliki oleh pedagang-pedagang bukan Melayu dengan peniaga-peniaga bumiputera khususnya Pertubuhan Persatuan Peniaga-peniaga bumiputera.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya Kerajaan berpuas hati dengan perhubungan di antara institusi-institusi kewangan yang dimiliki oleh pedagang-pedagang bukan Melayu dengan peniaga-peniaga bumiputera. Institusi-institusi kewangan sentiasa digesa supaya memberi layanan yang sama rata kepada pelanggannya tanpa mengira kaum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institusi-institusi kewangan ini juga dikehendaki mematuhi garis panduan pinjaman yang ditetapkan oleh Bank Negara ke atas pinjaman kepada sektor-sektor yang diberi keutamaan di mana salah satu daripadanya ialah pinjaman kepada masyarakat bumiputera. Bagi tempoh 8 bulan tahun 1986, bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan telah memberikan pinjaman berjumlah \$18,892 juta atau 29.1% daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan kepada masyarakat bumiputera.

Pada akhir tahun 1985 bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan telah memberi pinjaman kepada masyarakat

bumiputera melebihi garis panduan pemberian pinjaman yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan pada 31hb Disember, 1984 hendaklah diberikan kepada masyarakat bumiputera.

Tuan Yang di Pertua, sebenarnya jumlah pinjaman yang telah diberikan kepada masyarakat bumiputera oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan masing-masing ialah berjumlah 32.7% dan 33.6%.

ISTILAH AGAMA YANG DILARANG

2. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benarkah bahawa ada kelompok-kelompok agama bukan Islam yang telah diarah supaya jangan menggunakan perkataan Melayu atau Arab dalam amalan agama-agama masing-masing. Jika benar, berikanlah alasan-alasan bagi arahan-arahan itu dan berikan juga di bawah seksyen yang mana dalam Perlembagaan Negara arahan-arahan itu diberikan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada masa ini, Kementerian Dalam Negeri melarang pihak gereja Kristian menggunakan empat istilah sahaja iaitu Allah, Kaabah, Baitullah dan Solat. Kesemua istilah ini adalah istilah bahasa Arab yang lazim digunakan dalam agama Islam, Tujuan melarang menggunakan istilah-istilah ini adalah untuk memudahkan pembaca menentukan sama ada bahan yang dibaca itu berasal dari kitab-kitab Islam atau kitab-kitab agama lain.

Walaupun larangan ini tidak dibuat di bawah mana-mana Perkara dalam Perlembagaan Malaysia, Kementerian Dalam Negeri bertindak sedemikian demi untuk kepentingan awam.

LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA - PENSWASTAAN

3. Tuan Yusof bin Haji Mohd. Nor minta Menteri Perusahaan Awam menyatukan apakah langkah-langkah penswastaan yang diambil oleh Lembaga Padi dan Beras Negara setakat ini.

Menteri Perusahaan Awam [Datin Paduka Rafidah Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, bagi kampung kekurangan kemudahan yang dihadapi oleh LPN dalam urusan pembelian dan pemasaran padi, LPN telahpun mengambil beberapa langkah untuk menswastakan beberapa aktiviti operasi harian pengendalian padi dan beras seperti melaksanakan skim upah kisar pengangkutan dan juga bekalan guni. Sekiranya ada lagi aktiviti-aktiviti lain yang boleh diswastakan LPN dan Kerajaan bersedia akan melaksanakannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LPN tidak dapat menswastakan kesemua kegiatannya kerana LPN mempunyai objektif-objektif tertentu iaitu menjamin kepentingan petani-petani, pengguna dan negara termasuklah menjamin kestabilan harga-harga pasaran beras dan menyimpan stokpail strategik beras negara. Pihak swasta pula mempunyai objektif-objektif yang berlainan daripada LPN, khususnya objektif keuntungan.

TANDA HALAL - PENGGUNAAN

4. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh mana kejayaan usahasama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan Pusat Islam dalam usaha meneliti dan mengkaji secara terperinci sebelum sesuatu tanda halal diluluskan; dan
- (b) adakah Menteri sedar bahawa perasaan was-was di atas kegunaan tanda "halal" pada barang makanan dan barang-barang tertentu masih ada di kalangan umat Islam di negara kita, apakah usaha-usaha untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mohamad

Yusof bin Haji Mohamed Nor]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penggunaan tanda halal tidak memerlukan kebenaran atau kelulusan terlebih dahulu daripada mana-mana pihak berkuasa kerajaan. Namun begitu Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbhasaan Halal) 1975 menetapkan bahawa barangan yang diberi tanda "Halal", "Ditanggung Halal", "Makanan Islam" dan lain-lain tanda yang memberi makna demikian hendaklah memenuhi syarat-syarat yang berikut; iaitu barangan itu:
 - (i) bukanlah dan juga tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda dari binatang yang orang Islam dilarang oleh Hukum Syarak memakannya atau yang tidak disembelih mengikut Hukum Syarak.

- (ii) tidaklah mengandung apa-apa benda yang difikirkan sebagai najis mengikut Hukum Syarak;
- (iii) tidaklah disediakan, diproses atau dikilang dengan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas dari apa-apa benda najis mengikut Hukum Syarak;
- (iv) tidaklah dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya itu bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang tidak halal atau dengan apa-apa benda yang difikirkan sebagai najis mengikut Hukum Syarak.

Bagi menguatkuasakan undang-undang itu pegawai dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bersama pegawai di Bahagian Hal Ehwal Islam membuat lawatan dari semasa ke semasa ke kedai dan kilang-kilang memeriksa barang yang dijual atau yang dikilangkan dari diberi tanda halal. Pemeriksaan seperti ini juga diadakan di kedai atau kilang tertentu apabila menerima aduan dari orang ramai atau dipercayai pelanggaran undang-undang mungkin telah berlaku.

Sementara itu Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975 pula memperuntukkan bahawa semua daging termasuk ayam dan itek yang pada asalnya halal mengikut takrif dalam Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan Halal) 1975 yang saya sebutkan tadi itu hendaklah diberi tanda, label, tag atau lain-lain bentuk tanda yang menunjukkan bahawa makanan itu halal, tidak kira daging itu baru, didinginbekukan, dimasak, ditin atau

apa-apa cara diawet.

Sekiranya seseorang atau sesebuah badan korporat memberi tanda Hal atau lain-lain tanda yang bermakna demikian kepada sesuatu barangan dan didapati barangan itu tidak memenuhi takrif Halal yang telah saya nyatakan tadi maka orang atau badan korporat itu melakukan kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 yang membawa hukuman tidak melebihi \$100,000 atau 3 tahun penjara dan bagi badan korporat denda tidak melebihi \$250,000 bagi kesalahan pertama dan \$500,000 bagi kesalahan-kesalahan berikutnya.

(b) Kerajaan sedar ada perasaan was-was di kalangan sebahagian daripada pengguna-pengguna Islam terhadap sebahagian atau sebilangan barangan tertentu. Ini tidak dapat dielakkan kerana adalah mustahil untuk mengkaji semua barangan dan makanan di seluruh negara sebelum diberi kebenaran menggunakan tanda halal. Kalaupun dapat dibuat demikian adalah mustahil untuk menyakinkan semua orang Islam bahawa barangan itu benar-benar halal. Apa yang dapat dibuat ialah membuat pemeriksaan secara rambang dari semasa ke semasa atau membuat kajian mengenai sesuatu barangan bila mana timbul aduan atau keraguan dari orang ramai terhadap halalnya sesuatu barangan tertentu. Untuk maksud ini telah ditubuhkan sebuah jawatankuasa di Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri yang diberi nama Jawatankuasa Mengkaji Makanan dan Penggunaan Orang-orang Islam dan dianggotai oleh beberapa orang yang pakar dalam bidang pemakanan, kajian kimia, pakar kulit, bulu dan umpamanya dari agensi-agensi Kerajaan dan beberapa orang ahli agama. Jawatankuasa ini bukanlah sekadar mengkaji barangan yang ada tanda halal sahaja tetapi meliputi semua jenis barangan bila mana timbul

keraguan atau aduan di kalangan orang ramai bahawa sesuatu barangan itu tidak halal.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa orangkah pegawai yang ditugaskan untuk membuat pemeriksaan ke seluruh negara untuk mengatasi masalah halal-haram dari segi makanan ini.

Yang kedua, adakah pemeriksaan itu dibuat semata-mata apabila ada rungutan melalui akhbar, ada rungutan daripada orang ramai baru diadakan pemeriksaan atau memang ada tugas-tugas khas untuk pergi melawat ke tempat-tempat yang difikirkan mengeluarkan makanan-makanan yang diragukan untuk orang-orang Islam.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Nohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan jumlah pegawai yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, kita tidak menghadkan kepada jumlah yang tertentu kerana ini bergantung kepada jenis barangan yang hendak dikaji. Kalau sekiranya misalnya barang itu berkaitan dengan kulit maka sudah tentu beberapa orang pegawai yang pakar dalam bidang kulit dicari dari beberapa institusi yang ada di dalam negara kita ini seperti pusat pengajian tinggi atau badan-badan yang tertentu yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan kerana kita dapati sekiranya kita menghadkan jumlah pegawai dengan angka yang tertentu kita akan menghadapi kesulitan bila kita mendapati beberapa perkara baru timbul dalam masyarakat kita kerana masalah halal-haram ini adalah masalah yang kita fikir sangat rumit untuk kita cam atau pastikan kerana barang-barang yang digunakan oleh orang ramai bertambah dari semasa ke semasa dan ianya sangat sophisticated, dengan iain, memandangkan kepada sophisticatednya teknologi makanan pada hari ini dan

begitulah juga dengan barangan, pakaian yang kadang-kadang menjadi bahan untuk diteliti kerana kalau dia dibuat dari jenis kulit yang biasanya tidak dibenarkan oleh Syarak maka perlulah diteliti adakah benar kulit itu daripada binatang yang berkenaan atau sebagainya.

Mengenai dengan pemeriksaan, jawapannya ialah setakat ini kita dasarkan kepada permintaan. Dan juga kepada rungutan sama ada secara rasmi disampaikan atau yang menjadi perbualan atau tumpuan dan perhatian orang ramai. Ini dibuat ialah kalau sekiranya kita sendiri hendak mengkajinya maka sudah tentu Yang Berhormat dapat meramalkan kesulitan-kesulitan yang akan kita hadapi..

Datuk Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dijelaskan perkataan Halal ini boleh ditulis oleh peniaga-peniaga dengan tidak memberitahu kepada pihak yang berkenaan. Di sini saya minta penjelasan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tidaklah boleh diseragamkan oleh satu-satu Kementerian yang meliputi seluruh negara yang disenaraikan asas-asas yang perlu diikuti oleh peniaga-peniaga yang boleh mereka menulis tanda halal.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada lagi rancangan untuk menyeragamkan tanda yang menunjukkan halal atau haram. Cuma apa yang kita lihat hari ini tentang tulisan dalam huruf jawi sebenarnya merupakan inisiatif daripada mereka yang terlibat dengan perniagaan yang berkenaan. Kalau sekiranya kita hendak menyeragamkan perkara ini kita tahu bahawa beberapa kajian yang lebih mendalam perlu dibuat kerana yang penting ialah untuk mengenal pasti bahawa barang-barang yang hendak menjadi barang makanan atau barang-barang pakaian yang kadang-kadang sukar hendak kita letakkan kalau sekiranya tulisan itu dalam bentuk kertas dan sebagainya kerana kalau sekiranya pakaian hendak dilekatkan di mana-mana bahagian pakaian itu merupakan perkara yang sulit.

Jadi, yang pentingnya ialah adanya Akta yang telah dibuat setakat ini yang memastikan bahawa setiap yang dicurigai itu mestilah dinyatakan. Kalau sekiranya ianya halal maka hendaklah dijelaskan halal dalam bentuk doa sekalipun, asalkan orang ramai dapat memahami dengan mudah.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Dalam usaha Jabatan Perdana Menteri menentukan barang-barang itu halal kepada orang Islam, pernahkah jumpa di mana tanda halal itu disalahgunakan. Kalau ada, berapa kes?

Dato' Dr, Mohd. Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, memang sudah kita jumpai beberapa item, dengan izin atau bahan yang didapati tidak halal. Tetapi oleh kerana bahan-bahan ini panjang sedikit, saya akan memaklumkan kepada Yang Berhormat secara bertulis nanti.

PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN NEGARA DUNIA KETIGA

5. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah segera, sederhana dan jangka panjang MIDA di dalam mempertingkatkan lagi hubungan dagangan Malaysia dengan Dunia Ketiga dan di kawasan ASEAN khususnya.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, berapa langkah telahpun diambil untuk meningkatkan perdagangan Malaysia dengan negara-negara dunia ketiga. Di antara usaha-usaha tersebut ialah mengadakan rombongan perdagangan ke negara-negara tersebut di samping usaha-usaha memberi maklumat kepada para pengeksport tempatan mengenai keadaan pasaran dan potensi barangan mereka di pasaran negara-negara Asia Barat dan Kepulauan Pasifik.

Langkah-langkah juga diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN. Ini termasuklah membuka pejabat-pejabat perdagangan di semua negara ASEAN kecuali Brunei Darussalam dan mengambil bahagian di dalam Pameran Per-

dagangan ASEAN yang diadakan setiap dua tahun secara bergilir-gilir di negara-negara anggota ASEAN. Di samping itu, Kerajaan juga sentiasa menggalakkan pihak swasta negara ini mengambil bahagian di dalam pameran-pameran perdagangan dan juga menghantar rombongan perdagangan ke negara-negara ASEAN. Setakat ini beberapa rombongan perdagangan ke negara-negara ASEAN telahpun diadakan oleh pihak swasta seperti rombongan perdagangan oleh ahli-ahli Persatuan Pengeksport-pengeksport Melayu Malaysia ke Brunei Darussalam dan juga Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia Cawangan Terengganu ke Thailand pada bulan Oktober lalu.

Negara-negara anggota ASEAN telah juga mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan dagangan Intra-ASEAN. Usaha-usaha tersebut dilaksanakan di bawah Perjanjian Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (ASEAN Preferential Trading Arrangement/PTA), dengan izin, yang ditandatangani pada 24hb Februari, 1977. Melalui PTA ini, berbagai-bagai jenis barangan ASEAN diberi potongan tarif bila diimport di negara-negara ASEAN yang lain.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Apakah projek-projek usahasama ASEAN yang berjalan sekarang dan sejauh manakah prestasi mereka sehingga setakat ini.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana soalan tambahan ini tidak bersangkutan dengan soalan asal. Saya harap kalau Yang Berhormat yang berkenaan hendak tahu, bolehlah tulis kepada saya.

MUSIM MEMBURU RUSA/KIJANG

6. Tuan Loo Swee Mok minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah caranya pemburu boleh mengetahui sama ada rusa dan kijang itu bunting oleh kerana kedua-dua binatang ini adalah binatang liar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, menurut kajian oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman-taman Negara, kadar kemungkinan rusa dan kijang akan bunting atau mengandung adalah paling rendah di antara 1hb Oktober - 30hb November tiap-tiap tahun. Oleh yang demikian, musim dibuka untuk memburu kedua-duabinatang itu adalah pada kedua-dua bulan tersebut.

PORIM - HASIL PENYELIDIKAN

7. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah hasil kejayaan PORIM dalam meningkatkan hasil pertanian kelapa sawit di negara ini. Apakah hasil penyelidikan membuat Disel dari kelapa sawit. Jika kejayaan dalam bidang memproses lebih pokok sawit (batang/daun) untuk alat binaan, bila hasil kejayaan akan diketengahkan dalam pasaran perniagaan untuk kegunaan negara dan rakyat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada umumnya hasil-hasil penyelidikan dan pembangunan yang berkesan memakan masa yang panjang sebelum dapat dinikmati atau dilaksanakan di peringkat kebangsaan. Sebagai sebuah badan penyelidikan dan pembangunan, Institut

Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) juga tidaklah terkecuali dari hakikat ini. Namun begitu dengan penubuhan PORIM pada tahun 1979, ianya adalah amat nyata telah meningkatkan keyakinan dan kecekapan para pengusaha dan pelabur untuk memajukan perumahaan kelapa sawit negara selaras dengan cita-cita Kerajaan memperkembangkan perusahaan berasaskan pertanian di Malaysia.

Saya berpendapat ini merupakan satu hasil manifestasi kejayaan PORIM yang besar dan amat membanggakan. Memang telah menjadi kenyataan bahawa PORIM ketika ini telah diakui di mata dunia sebagai satu-satunya badan penyelidikan dan perkembangan perusahaan kelapa sawit yang dinamis dan termaju.

Sukacita saya memaklumkan bahawa PORIM sedang melaksanakan berbagai bidang penyelidikan dan pembangunan merangkumi keseluruhan aspek perusahaan kelapa sawit termasuk usaha-usaha promosi teknikal pasaran demi memastikan kemajuan masa hadapan perusahaan kelapa sawit Malaysia.

Merujuk kepada persoalan penyelidikan disel minyak kelapa sawit sukacita saya memaklumkan bahawa projek ini sedang giat dikendalikan oleh Jawatankuasa Pemandu Disel Minyak Kelapa Sawit yang berurusetia di PORIM. Ketika ini projek methyl ester terbahagi kepada dua peringkat iaitu peringkat pengeluaran di loji rintis dan peringkat ujian-ujian tahan lasak dan kecekapan enjin-enjin yang mengambil bahagian.

Di peringkat pengeluaran loji rintis disel minyak kelapa sawit sedang menghasilkan sebanyak 25 tan methyl ester sebulan. Beberapa usaha-usaha pengubahsuaian sedang dilakukan ke arah mencapai taraf keupayaan pengeluaran loji tersebut iaitu di paras 3000 tan methyl ester setahun. Sementara itu di peringkat ujian tahan lasak, sebanyak 23 buah enjin kenderaan dan enjin setempat sedang menyertai

ujian ini .Dalam masa yang sama beberapa syarikat pembuat enjin yang terkemuka di dunia sedang memberikan kerjasama menguji kecekapan enjin-enjin disel masing-masing.Setakat ini tiada masalah-masalah teknikal baru yang ditemui dan pada umumnya hasil-hasil yang diperolehi memperlihatkan potensi yang menggalakkan.Namun demikian, ujian-ujian jangka panjang adalah diperlukan bagi memperolehi hasil yang lebih memuaskan di samping dapat menilai dari segi prestasi ekonomi yang lebih komprehensif.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penyelidikan lebihan pokok kelapa sawit beberapa bidang penggunaan yang berpotensi telah ditemui seperti penghasilan atap genting, kayu blok serta penghasilan pulpa dan kertas. Kajian-kajian juga menunjukkan bahawa Vitamin E boleh diperolehi dari daun kelapa sawit.Namun demikian penemuan-penemuan ini masih terlalu awal untuk diketengahkan ke peringkat komersial kerana masih terlalu banyak kesulitan dan kelemahan berbanding dengan lain-lain keluaran saingan yang wajar diatasi. Kajian-kajian yang lebih mendalam perlu dilaksanakan dimana ketika ini PORIM sedang bekerjasama dengan Kerajaan Jepun bagi meningkatkan mutu penghasilan pulpa dan kertas dari gantian kelapa sawit. Oleh yang demikian, penyelidikan dan pembangunan yang dilaksanakan di PORIM telah dapat mengenal pasti berbagai bidang penggunaan bukan sahaja dari segi hasil minyak malah kepada segala bahagian pokok kelapa sawit yang kelak boleh dimanfaatkan.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan di PORIM ini sama ada ada diadakan penyelarasan atau tidak dengan penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan di institusi-institusi pengajian tinggi dan lain-lain institusi penyelidikan di negara ini dan jika ada, bagaimana penyelarasan yang dibuat terutama sekali dari segi meng-

hindarkan tindih-menindihnya dan pembaziran dari segi kewangan yang dibelanjakan untuk usaha-usaha penyelidikan.

Yang kedua, saya juga ingin mendapat penjelasan dari segi pembiayaan penyelidikan-penyelidikan yang diadakan melalui PORIM ini datangnya daripada sumber-sumber mana dan sama ada hanya daripada dalam negeri, luar negeri atau pihak swasta.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, memang ada satu rupa kerjasama di antara institusi-institusi lain terutama institusi-institusi pengajian tinggi dengan pihak PORIM dalam menjalankan kajian-kajian tersebut. Perbezaannya ialah kajian-kajian yang dibuat oleh institusi-institusi merupakan kajian-kajian ilmiah guna untuk menemui perkara-perkara baru atau untuk penyelidikan bagi penuntut-penuntut. Tetapi penyelidikan yang dilakukan oleh PORIM adalah semata-mata untuk ke arah mewujudkan sesuatu yang merupakan komersial yang boleh memberi keuntungan daripada hasil kajian tersebut.

Bagaimanapun jikalau ada penemuan oleh institusi-institusi atas perkara-perakta baru, perkara ini kadangkala dibincang dengan terperinci dengan pihak PORIM agar ia boleh ditukarkan ke arah yang lebih bermakna dan manfaat kepada masyarakat.

Mengenai belanjawan untuk kajian ini, ini terpulang kepada apakah bentuk yang dilakukan, misalnya kalau masalah disel, kita telah mendapat bantuan dari syarikat-syarikat tertentu, kalau masalah enjin, kita telah mendapat kerjasama daripada Cycle & Carriage, Toyota, Nissan, Yamar, Kubota, Comein USA dan juga Volvo yang merupakan syarikat-syarikat antarabangsa yang telahpun berkongsi untuk menjalankan ujian terhadap minyak disel kita.

PENDATANG HARAM VIETNAM

8. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa sebahagian daripada pendatang haram Vietnam menjalankan pengintipan bagi negara mereka dan bukannya pelarian sebenar. Jika benar, apakah langkah-langkah Kerajaan memastikan supaya ianya tidak berlaku.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tiada bukti yang menunjukkan pendatang haram Vietnam menjalankan kegiatan mengintip bagi negara mereka. Walau bagaimanapun Kerajaan sentiasa mengadakan kawalan yang rapi terhadap pendatang-pendatang haram Yietnam dengan menempatkan mereka di khemah-khemah yang terkawal di Pulau Bidong dan khemah transit di Sungai Besi supaya pengawasan yang sewajarnya boleh dibuat.

RANCANGAN RIM - SIARAN

9. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian beliau ada rancangan untuk mengarahkan pihak RTM menyiarkan lebih banyak lagi gambaran menunjukkan berbagai kaum **ber-**gaul dengan muhibbah dan harmoni di perhentian bas, kampung-kampung, bandar-bandar dan tempat-tempat lain untuk mengekalkan perpaduan antarabangsa selama-lamanya.

Menteri Penerangan [Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-hajj]:

Tuan Yang di-Pertua, program-program tempatan terbitan RTM adalah sentiasa dirancang dan ditinjau kekesanannya serta diperbaiki dari semasa ke semasa dengan tujuan untuk menyampaikan mesej dan mengajak rakyat memupuk, memperkukuh serta mengekalkan perpaduan antara kaum.

Gambaran-gambaran yang diperlihatkan interaksi secara spontan di antara kaum di pelbagai tempat awam sentiasa ditunjukkan dalam kaca televisyen bagi membangkitkan rasa muhibbah dan harmoni.

Penglibatan rakyat berbilang kaum dari berbagai-bagai daerah sentiasa digalakkan di dalam rancangan-rancangan popular Kementerian Penerangan seperti Bintang RTM, Pesta Lagu Malaysia, Bakat RTM dan Anugerah Sri Angkasa.

Sehubungan dengan hasrat murni ini juga di dalam semua rancangan yang berbentuk Hiburan, Drama, Dokumentari, Forum-forum TV dan lain-lain rancangan semasa, perhatian khas adalah sentiasa dititik-beratkan ke arah mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang harmoni dan bersatu-padu.

Program-program radio dengan mencantumkan stesyen-stesyen daerah di Semenanjung Malaysia dengan stesyen-stesyen daerah di Sabah dan Sarawak adalah juga selari dengan usaha bagi mewujudkan dan mengekalkan perpaduan.

PERAYAAN NEGARA/UPACARA RASMI - BERJIMAT-CERMAT

10. Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan lebih berjimat cermat membelanjakan dengan sederhana dan lebih kecil ketika menyambut perayaan-perayaan negara seperti upacara-upacara pembukaan rasmi menyambut Hari Kebangsaan, menyambut hari ulang tahun Keputeraan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Hari Angkatan Tentera dan lain-lain. Jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri di-Jabatan Perdana Menteri [Dr. Siti Zahara binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sentiasa mengawal perbelanjaan-perbelanjaan berkaitan dengan perayaan-perayaan rasmi seperti menyambut Hari Kebangsaan, Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Hari Angkatan Tentera dan lain-lain.

Perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dilakukan pada 2-3 tahun yang lepas adalah kurang daripada peruntukan-peruntukan yang telah disediakan dalam Anggaran Belanjawan. Perayaan-perayaan ini adalah penting diadakan demi memupuk taat setia rakyat dan menanamkan semangat cintakan negara. Perayaan-perayaan ini juga dimasukkan ke dalam Takwim Pelancong atau Tourist Calendar, dengan izin, dan memainkan peranan dalam menarik pelancong ke negara kita. Oleh itu, peruntukan akan terus disediakan untuk menyambut perayaan-perayaan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan R.M. Jasni.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 11.

PEGAWAI/KAKITANGAN KERAJAAN - PESARAAN

11. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah S.O. 23(2)] minta Perdana Menteri menerangkan sama ada Kerajaan bercadang bahawa pegawai-pegawai atau kakitangan Kerajaan yang hampir bersara akan dihantar bertugas di daerah asalnya atau di mana ia bercadang untuk menetap semasa pesaraannya, untuk membolehkannya mengadakan persediaan sebelum sampai tempoh persaraannya.

Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, penempatan pegawai dan kakitangan Kerajaan di sesebuah Jabatan adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria seperti kedudukan, kekosongan jawatan, pengalaman dan pengkhususan pekerja, kesesuaian tempat kerja berdasarkan latar-belakang pekerjaan sebelumnya, jangka waktu bertugas di sesuatu tempat, serta keperluan semasa sesuatu jawatan itu hendak diisi. Kesemua kriteria ini yang dijadikan sebagai asas penempatan pegawai dan kakitangan Kerajaan adalah dengan tujuan untuk, dengan izin, 'putting the right man on the right job'. Jadi Jabatan ini tidak mengambil kira faktor sebagaimana Ahli Yang Berhormat maksudkan dalam urusan penempatan pegawai dan kakitangan Kerajaan.

SURUHANJAYA PERDAGANGAN LUAR NEGERI - PERANAN

12. Tuan A. Shaik Dawood minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau puas hati dengan peranan Suruhanjaya Perdagangan di luar negeri dalam usaha menarik lebih banyak pelabur asing.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian [Tuan M.G. Pandithan]: Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa tugas-tugas penggalakan pelaburan di luar negeri bagi menarik pelabur asing melabur di Malaysia adalah dijalankan oleh beberapa Agensi Kerajaan Malaysia di luar negeri.

Tugas-tugas khusus adalah dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).Setakat ini MIDA telah menempatkan pegawai-pegawainya di 13 buah pusat di bandar-bandar penting di seluruh dunia, di bandar-bandar lain di mana pegawai MIDA tiada berkhidmat, maka usaha-usaha galakan pelaburan adalah dijalankan oleh Pesuruhjaya Perdagangan yang juga bertanggungjawab terhadap galakan eksport barang-barang buatan Malaysia di luar negeri. Di, tempat-tempat di mana kedua-dua pejabat itu tidak ada, maka tanggungjawab tersebut terletak pula di atas tangan pegawai-pegawai kedutaan Malaysia.

Setakat ini pegawai-pegawai MIDA dan Pesuruhjaya Perdagangan telah menjalankan tanggungjawab mereka dengan memuaskan dan Kerajaan adalah puas hati dengan khidmat mereka.

Tuan G. Rajoo: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan G. Rajoo.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat berkenaan dengan prestasi Pesuruhjaya Perdagangan, berapa buakkah negara asing yang melabur di negara kita dan berapa-kah modalnya itu.

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini berkait dengan bilangan saya cuba menjawab.

Setakat ini Kerajaan puas hati dengan prestasi Pesuruhjaya Perdagangan Pelaburan di luar negeri yang mana mereka telah berjaya menarik pelabur-pelabur asing ke negara ini.

Semenjak tahun 1971 hingga Oktober, 1986 sebanyak 4,071 projek asing termasuk projek usahasama telah diluluskan dengan modal berbayar sejumlah \$4,598 juta.

Negara-negara utama yang telah melabur di negara ini adalah:

Jepun	-	\$	8,080.4	juta
Singapura	-	\$	4,960.5	"
United Kingdom	-	\$	456.9	"
Amerika Syarikat	-	\$	321.1	"

TV3/TV MALAYSIA - RANCANGAN HIBURAN

13. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Penerangan menyatakan pada masa ini terlalu banyak filem-filem bercorak hiburan ditayangkan melalui TV3 dan TV Malaysia dan akibatnya anak-anak muda kita banyak terpengaruh dan khayal dengan program-program tersebut, adakah pihak Kementerian bercadang menayangkan lebih banyak lagi filem-filem dokumentari mengenai kemajuan dalam sains, teknologi dan sebagainya selain dari filem-filem hiburan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, fungsi televisyen adalah sebagai media memberi penerangan, pendidikan dan hiburan. Walau bagaimanapun patut ditegaskan bahawa rancangan-rancangan hiburan tidak seharusnya dianggap sebagai hiburan semata-mata. Mesej-mesej Kerajaan umpamanya seperti perpaduan, kerajaan, penjimatan, pembaziran, bekerja keras dan lain-lain seberapa yang boleh sentiasa disisipkan di dalam rancangan-rancangan hiburan terbitan tempatan.

Pengawalan dan penapisan sewajarnya sentiasa diadakan terhadap filem-filem termasuk filem bercorak hiburan yang disiarkan di TV, RTM agar program-program itu tidak bertentangan dengan nilai sosio-budaya masyarakat Malaysia.

Filem-filem hiburan yang disiarkan pada TV 3 juga diluluskan oleh Lembaga Penapisan Filem. Filem dokumentari memang disukai ramai dan tiap-tiap minggu lebih kurang 20 buah filem atas berbagai perkara disiarkan untuk tujuan memberi pengetahuan dan pendidikan kepada orang ramai.

JABATAN YANG AKAN DISWASTAKAN

14. Tuan Bee Yang Sek minta Perdana Menteri menyatakan sehingga masa ini, berapakah jabatan atau perkhidmatan Kerajaan yang mendatangkan keuntungan dan yang akan diswastakan.

Dr. Siti Zahara binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, jabatan atau perkhidmatan Kerajaan yang mendatangkan keuntungan yang akan diswastakan adalah seperti berikut:

1. Lembaga Letrik Negara;
2. Pelabuhan Pulau Pinang;
3. Lain-lain aktiviti di Pelabuhan Kelang;
4. Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat;
5. Percetakan Keselamatan di Jabatan Percetakan Negara Malaysia;
6. Iklan di TV1 dan TV2 Televisyen Malaysia dan
7. Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia.

KELAS TADBIRAN KEMAS

15. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan, apakah rancangan-rancangan yang telah disusun dan seterusnya akan dilaksanakan supaya kelas-kelas diletakkan di bawah tadbiran KEMAS di dalam kawasan luar bandar supaya akan lebih berfungsi serta dapat memberikan faedah kepada rakyat, terutama rakyat luar bandar.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Ng Cheng Kuai]: Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS), sentiasa mengawasi dan menilai semua aktiviti yang dikendalikan dari masa ke masa supaya lebih berfungsi dan memberi manfaat kepada rakyat. Diantara usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan ialah menentukan setiap aktiviti yang dilaksanakan adalah bersesuaian dengan kehendak dan matlamat pembangunan negara.

Untuk tujuan ini, kajian penilaian aktiviti telah dan sedang dilaksanakan dari masa ke masa. Umpamanya, kurikulum baru Taman Bimbingan Kanak-kanak telah dipinda daripada kurikulum menekankan belajar menerusi bermain kepada program untuk menyediakan kanak-kanak memasuki sekolah formal yang menekankan kaedah 3M (membaca, menulis dan mengira) mengikut garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran. Kurikulum Kelas Agama Islam juga telah diubah supaya lebih teratur. Begitu juga dengan kurikulum kelas Latihan Kerja Jahitan KEMAS telah digubal agar dapat memberikan kemahiran yang tinggi kepada pesertanya.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah kelas TABIKA sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya difahamkan kelas TABIKA ini iaitu bagi murid-murid yang berumur bawah 6 tahun. Apa yang diragukan ada kanak-kanak yang belajar sehingga 2 tahun di dalam kelas TABIKA ini agak menjemukan. Tidakkah boleh Kementerian membuat satu peraturan

kelas TABIKA ini bagi murid-murid yang berumur 5 tahun khususnya untuk mereka belajar satu tahun sahaja di kelas itu bagi mengelakkan supaya kanak-kanak itu tidak bosan,

Selain daripada itu, tidakkah ada rancangan Kementerian untuk menentukan satu pakaian seragam bagi murid-murid yang belajar di kelas itu,

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua cadangan dari Ahli Yang Berhormat itu akan dikaji dan diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Soalan tambahan. Daripada penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan daripada pemahaman umum saya kira, kita dapat gambaran seolah-olah sasaran KEMAS ini ialah wanita dan kanak-kanak. Daripada contoh-contoh yang diberikan dari segi kelas latihan, dari segi kelas bimbingan, kelas agama mahupun dari segi kerajinan tangan dan sebagainya, memberikan satu gambaran seolah-olah yang menerima manfaat daripada Kemajuan Masyarakat ini adalah kanak-kanak dan wanita. Saya tidak tahu sama ada ini benar atau tidak, dan jika tidak benar, apakah pula yang merupakan rancangan-rancangan yang melibatkan kaum lelaki supaya masyarakat secara keseluruhannya dapat dimajukan.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, gambaran yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak begitu tepat, kerana rancangan-rancangan yang dijalankan oleh KEMAS meliputi semua lapisan masyarakat, termasuk juga golongan lelaki. Misalnya, ada rancangan Desausaha untuk menggalakkan masyarakat luar bandar dalam kerja tanaman mereka dan ada juga rancangan untuk menggalakkan kerja ekonomi. Misalnya untuk menanam pisanig, peliharaan ikan air tawar, ada juga untuk ternakan lembu dan ada juga rancangan tanaman

cendawan (mushroom), Jadi, ini membuktikan bahawa gambaran yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak begitu tepat.

DRAMA TAMIL DI TV

16. Tuan G. Rajoo minta Menteri Penerangan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menghasilkan drama Tamil dan menyiarkannya dalam siri "Drama Minggu ini" dalam RTM. Nyatakan tarikh drama Tamil dijadualkan penyiarannya seperti yang disebut-sebutkan oleh Televisyen Malaysia.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, drama Tamil tidak disiarkan dalam siri Drama Minggu ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Penerangan pada masa ini sedang berusaha menerbitkan sebuah drama Tamil. Apabila drama itu siap kelak, RTM akan menentukan jadual penyiarannya menurut waktu yang sesuai. Sementara itu sebuah drama Tamil terbitan telahpun disiarkan pada 1hb November, 1986 sempena hari raya Deepavali.

PIALA DUNIA DI MEXICO - KEMALANGAN JALANRAYA

17. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah benar banyak berlaku kemalangan jalanraya di negara kita dalam satu bulan pertandingan Piala Dunia di Mexico akibat mengantuk para pemandu kenderaan berjaga setiap malam kerana menonton TV perlawanan bola sepak siaran secara langsung dari Mexico, jika dibandingkan dari sebelumnya; jika ya nyatakan berapa banyak bilangan kenderaan yang terlibat dalam kemalangan dan berapa ramai bilangan orang yang cedera dan terbunuh dalam sebulan tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Puan Hajjah Rahmah binti Othman]: Tuan Yang di-Pertua, soal ini khusus kerana pertandingan Piala Dunia di Mexico. Untuk jawapannya, suka saya maklumkan adalah perkara ini tidak benar bahawa kemalangan jalanraya banyak berlaku dalam bulan Jun iaitu semasa pertandingan Piala Dunia di Mexico diadakan. Ini terbukti dari perangkaan kemalangan jalanraya

yang diperolehi daripada pihak polis di mana pada bulan Jun sahaja jumlah kemalangan jalanraya adalah sebanyak 5,973 kes yang melibatkan 10,484 buah kenderaan. Manakala sebulan sebelumnya iaitu pada bulan Mei jumlah kemalangan jalanraya adalah sebanyak 6,281 kes yang melibatkan 10,91 buah kenderaan.

Namun demikian, dukacita dimaklumkan bahawa perangkaan mengenai kematian dan kecederaan bagi bulan Jun telah meningkat iaitu dari 280 kematian dan 1,576 kenderaan pada bulan Mei kepada 286 kematian dan 1,682 kecederaan pada bulan Jun.

PEKERJA/PENDATANG HARAM DARI INDONESIA

18. **Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pekerja-pekerja Indonesia yang kini sedang bekerja di Malaysia dengan permit kerja;
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membanteras dan menghentikan kemasukan pendatang-pendatang haram Indonesia ke dalam Malaysia; dan
- (c) pada masa sekarang, berapakah jumlah pendatang haram Indonesia yang ditahan di dalam penjara kita di Malaysia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini seramai 113 orang rakyat Indonesia telah mendapat pas lawatan bekerja sementara untuk bekerja di Malaysia. Kementerian Dalam Negeri sedang dan akan bertindak tegas terhadap semua pendatang haram di negara ini dengan secara menangkap, mendakwa dan mengusir keluar ke negara asal mereka masing-masing. Di samping itu Kementerian Dalam Negeri juga telah mengetatkan lagi rondaan dan kawalan di kawasan-kawasan perairan dan sempadan daratan Malaysia. Tindakan ini adalah untuk mencegah kemasukan haram warganegara asing ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir bulan November, 1986 seramai 324 orang pendatang haram Indonesia telah ditahan dalam penjara di Malaysia.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar bahawa pendatang-pendatang haram dari Indonesia yang dihantar balik sampai ke perairan antarabangsa tetapi mereka berpatah balik ke negara kita sendiri dan perkara ini sentiasa berulang setiap kali mereka dihantar balik?

Dato' Megat Junit bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk kita menentukan adakah mereka berpatah balik atau tidak, oleh kerana sempadan antara Malaysia dengan Indonesia tidaklah begitu jauh. Dengan sebab itu Kementerian Dalam Negeri tidak ada bukti-bukti yang nyata untuk menguatkan apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat tersebut.

ELAUN SEBERANG LAUT BAGI DIPLOMAT

19. Puan Mazidah binti Haji Zakaria minta Menteri Luar Negeri menyatakan jumlah wang keseluruhannya yang dibelanjakan pada masa ini untuk gaji, elaun seberang laut, elaun perumahan, bagi menempatkan seorang duta Malaysia di sebuah ibukota Barat. Apakah faedah-faedah yang diperolehi dari perbelanjaan-perbelanjaan ini. Bagaimanakah perbelanjaan ini jika dibandingkan dengan perbelanjaan-perbelanjaan oleh negara-negara anggota ASEAN yang lain bagi menempatkan duta mereka di ibukota yang sama.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, jumlah perbelanjaan bagi elaun seberang laut dan elaun perumahan bagi menempatkan seorang Duta Malaysia di seberang laut adalah berbeza antara satu negara ke satu negara yang lain kerana elaun-elaun ini adalah ditentukan mengikut kos kehidupan setempat.

Sementara itu gaji seseorang Duta adalah mengikut gred hakikinya di Malaysia, dalam erti kata lain seorang pegawai tidak menerima gaji lebih dari gred hakikinya apabila menjadi seorang Duta. Bagi menempatkan penempatan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London umpamanya Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$43,107 untuk membayarkan pembayaran elaun seberang laut, manakala elaun perumahan tidak dibekalkan memandangkan kediaman rasmi beliau adalah bangunan kepunyaan Kerajaan Malaysia.

Jumlah gaji yang dibelanjakan adalah \$55,920 setahun iaitu mengikut gred hakiki Pesuruhjaya Tinggi berkenaan. Faedah-faedah yang diperolehi dari perbelanjaan-perbelanjaan berikutan penempatan seorang Duta adalah agak sukar untuk dihitung terutama sekali di dalam masa yang singkat, memandangkan corak bertugas perjawatan ini,

Walau bagaimanapun, faedah-faedah yang diperolehi dari penempatan seorang Duta itu dapat diukur dari hubungan dua hala yang kukuh yang telah dikendalikan oleh seseorang Duta. Hasil dari perhubungan yang sedemikian daya penggerak telah diputuskan oleh seseorang Duta berkenaan untuk sering meningkatkan usaha kerjasama yang lebih meluas di berbagai bidang termasuklah bidang-bidang ekonomi, perdagangan, pelaburan dan politik.

Dari perbelanjaan yang dibekalkan, seorang Duta itu telah dapat memainkan juga peranan di dalam memupuk personaliti-personaliti berpengaruh di peringkat Kerajaan dan swasta untuk perkembangan bidang kerjasama dua hala dan antarabangsa di samping memberikan gambaran sebenar mengenai sesuatu dasar Kerajaan kita. Secara amnya Duta adalah merupakan tali perhubungan di antara Malaysia dan negara berkenaan dan begitulah sebaliknya.

Adalah tidak bersesuaian dan tidak patut bagi kita mendapat sebarang maklumat berkenaan dengan emolumen seseorang Duta negara ASEAN yang lain di ibu kota yang sama untuk dijadikan perbandingan.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Mohd. Nor: Tuan Yang di-Pertua, dalam Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan hari itu ada menyatakan bahawa Kerajaan dalam usaha untuk menjimatkan belanja negara akan mengurangkan kakitangan diplomatik kita di luar negeri. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan adakah dasar ini telah dimulakan, langkah-langkah telah diambil untuk mengurangkan kakitangan di kedutaan kita di luar negeri dan negara-negara manakah dasar ini akan ditujukan pada mula-mulanya?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan kakitangan kedutaan-kedutaan kita di luar negeri. Maka telah menjadikan hasrat Kerajaan dan Jawatankuasa telahpun ditubuhkan pada masa-masa yang lampau dahulu untuk mencari jalan supaya mengadakan satu common pegawai, sekiranya seorang misalnya kita ada pejabat penuntut-penuntut ataupun pejabat dagangan kita di luar negeri dan sama juga di dalam bangunan kedutaan kita, maka kita menggunakan pegawai yang sama seperti Chief Clerk, dengan izin, dan juga pegawai-pegawai yang lain untuk tugas-tugas seperti membayar gaji dan juga mengendalikan kerja-kerja yang sama. Ini adalah salah satu daripada cadangan untuk kita mengurangkan kakitangan kita di luar negeri dan juga untuk mengurangkan perbelanjaan mungkin kita tidak akan menggunakan banyak transport kita iaitu motokar dan juga kakitangan yang lain baik pun dari segi jawatan local staff iaitu kakitangan tempatan dan ini juga akan mengurangkan perbelanjaan.

Maka ini adalah bukan boleh dikatakan untuk satu-satu tempat yang ditumpukan, bukan ke London ataupun ke Bonn ataupun Tokyo, tetapi keseluruhannya menjadi dasar Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan ini.

HARGA BARANG BINAAN

20. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil terhadap pengeluar-pengeluar dan pembekal-pembekal bahan binaan yang enggan menurunkan harga-harga binaan setelah diberi berbagai kemudahan oleh pihak Kerajaan.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan harga barang-barang perlu ditetapkan pada paras harga yang munasabah. Kerajaan baru-baru ini telah mengadakan perbincangan dengan beberapa industri termasuk industri bahan-bahan binaan seperti besi keluli, simen dan kaca dengan tujuan untuk mengurangkan harga barang-barang tersebut. Walau bagaimanapun, daripada perbincangan dan kajian ke atas industri-industri tersebut, Kerajaan dapati harga bahan-bahan binaan itu berpatutan.

Kerajaan walau bagaimanapun akan terus mengawasi harga bahan-bahan tersebut. Sekiranya Kerajaan mendapati kos pengeluarannya telah berkurangan dan munasabah harganya diturunkan, Kerajaan akan mengarahkan harga-harga itu diturunkan. Sekiranya syarikat-syarikat terlibat enggan bekerjasama menurunkan harga-harganya, Kerajaan akan mengkaji semula kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada industri-industri berkenaan.

PROTON SAGA - SAMBUTAN

21. Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah pengeluaran kereta Malaysia (Proton Saga) semenjak kemelesetan ekonomi, bagaimana pula tempahan-tempahan di dalam negeri dan luar negeri, serta berapa banyakkah negara jika menempah Proton Saga.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran kereta nasional atau Proton Saga telah merosot sedikit berikutan dengan kemelesetan ekonomi. Kemerosotan ini bukan sahaja dialami oleh PROTON malah oleh syarikat-syarikat pemasangan kereta tempatan yang lain. Walau bagaimanapun, kedudukan tempahan Proton Saga adalah memuaskan dan jualanannya berjaya menguasai di antara 41% - 66% bahagian pasaran kereta tempatan bagi kelas 1600 c.c. ke bawah untuk bulan-bulan Januari hingga September, 1986.

Sehingga kini PROTON masih belum menerima tempahan secara tetap daripada luar negeri untuk tujuan eksport. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil kereta yang telah dijual keluar negeri seperti berikut:-

Bangladesh	-	25 buah
Brunei	-	11 buah

Pada 4hb Disember, 1986 PROTON telah juga menandatangani surat hasrat atau, dengan izin, letter of intent, dengan sebuah syarikat Amerika untuk memasarkan kereta Proton Saga di Amerika Syarikat.

Puan Hasanah binti Mohd. Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Betulkah sebagaimana yang kita dengar bahawa Perusahaan Kereta Nasional Malaysia telah mengalami kerugian dengan kenaikan nilai matawang Jepun?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan nilai Yen adalah menjadi beban kepada kita kerana semua pinjaman daripada Jepun itu telah dengan secara tidak langsung naik oleh kerana meningkatnya nilai Yen. Walau bagaimanapun, daripada Syarikat HICOM ini adalah susah untuk mengatakan kita sudah rugi kerana ini merupakan satu investment yang akan mengambil masa, gestation period yang lama, iaitu di antara sekurang-kurangnya 10-15 tahun. Memadailah dikatakan bahawa oleh kerana nilai Yen itu telah naik, maka pinjaman kita daripada Yen telah juga naik oleh kerana kadar pertukaran sudah naik.

SYARIKAT PKEN YANG DIPINDAHKAN KE PNB

22. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) bilangan dan nama syarikat-syarikat milik PKEN-PKEN yang telah dijual kepada Permodalan Nasional Berhad;
- (b) adakah benar bahawa syarikat-syarikat yang baik dan menerima keuntungan sahaja yang telah diambil alih oleh Permodalan Nasional Berhad; dan
- (c) apakah tindakan lanjut sedang dibuat oleh Kementerian Perusahaan Awam terhadap syarikat-syarikat yang prestasinya tidak baik dan merugikan itu.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sehingga ke tarikh ini sejumlah 13 buah syarikat milikan PKEN-PKEN telahpun dipindahkan kepada Perbadanan Nasional Berhad. Jumlah saham yang

terlibat dengan pemindahan bagi 13 buah syarikat itu ialah sebanyak 48,624,356 unit bernilai \$37,405,425. Nama-nama syarikat yang berkenaan bolehlah saya sampaikan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Syarikat-syarikat yang telah dipindahkan kepada Perbadanan Nasional Berhad itu bukan sahaja syarikat-syarikat yang baik dan menerima keuntungan, tetapi telah memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam asas dan panduan pemindahan hakmilik saham syarikat Kerajaan kepada bumiputera yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1981.

Kementerian Perusahaan Awam sentiasa mengawasi prestasi syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan oleh PKEN-PKEN. Pengawasan secara berkomputer telahpun dilaksanakan sejak tahun 1981. Mana-mana syarikat yang didapati mengalami kerugian dan tidak lagi mempunyai masa hadapan untuk dibaikpulih, maka PKEN yang berkenaan telah diminta untuk menutup atau menjual syarikat-syarikat yang berkenaan. Sehingga hari ini sebanyak 48 syarikat PKEN telahpun ditutup, sementara 66 syarikat PKEN telahpun dijual, kebanyakannya kepada bumiputera.

PROJEK PERUMAHAN KOPERASI - PEMBEKUAN

23. Dato' Dr. K.S. Nijhar minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai akibat pembekuan beberapa syarikat kerjasama oleh Bank Negara terhadap projek-projek perumahan mereka serta langkah-langkah yang diambil oleh beliau untuk mengatasi masalah-masalah berkenaan.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Senator itu adalah mengenai akibat pembekuan syarikat-syarikat kerjasama oleh Bank Negara terhadap projek-projek perumahan mereka. Saya ingin di sini menyatakan bahawa sejumlah 16 buah koperasi terlibat dengan 99 projek perumahan. Daripada jumlah ini, 23 projek adalah merupakan projek yang sedang berjalan.

Sebahagian besar projek belum lagi berjalan. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti menunggu kelulusan penukaran dan pemecahan tanah dari pihak berkuasa berkenaan.

Sebenarnya pembekuan beberapa syarikat koperasi hanya melibatkan penangguhan sementara ke atas 7 projek perumahan sahaja. Ini adalah kerana koperasi-koperasi berkenaan mengalami kekurangan kumpulan wang bagi meneruskan projek tersebut.

Di bawah skim penyelamat koperasi-koperasi yang dibekukan sebagaimana yang diumumkan oleh Kerajaan, institusi-institusi kewangan secara prinsipnya telah bersetuju untuk mengambilalih aset dan liabiliti beberapa koperasi.

Dengan ini bermakna apabila rancangan pengambilalih ini selesai nanti, projek-projek yang terpaksa ditangguhkan, boleh diteruskan semula. Walau bagaimanapun, rancangan pengambilalih ini akan dilaksanakan hanya setelah mendapat persetujuan daripada pendeposit-pendeposit.

PELAJAR-PELAJAR KE LUAR NEGERI - PENGHANTARAN

24. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan akan terus menghantar pelajar-pelajar kita ke seberang laut seperti yang dilakukan beberapa tahun lalu. Adakah dengan kenaikan yuran belajar di setengah-setengah negara tersebut membolehkan kita menghantar terus pelajar ke sana dalam keadaan kemelesetan sekarang ini. Kalau Kerajaan akan mengubah dasar ini, apakah cadangan di masa akan datang.

Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus menghantar pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri. Walau bagaimanapun, dengan keadaan ekonomi negara kita yang lembab dan kenaikan yuran pengajian di negara-negara tertentu, Kerajaan akan mengurangkan bilangan pelajar yang akan dihantar ke luar negeri.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, semua pertanyaan sudahpun dijawab dan masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut juga sudah cukup.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (8hb Disember, 1986).

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Haji Ujang untuk menyambung perbahasan. Silakan, Yang Berhormat,

3.36 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung perbahasan yang telah saya buat pada petang semalam mengenai Perbekalan, 1987 yang telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Jadi sebagaimana yang saya telah nyatakan bahawa Perbekalan yang didedahkan ini adalah satu Perbekalan untuk memberikan kebajikan dan keselesaan kepada seluruh rakyat dengan untuk menggambarkan bahawa negara ini adalah satu negara yang mempunyai kesanggupan untuk memberi keperluan-keperluan yang sewajarnya kepada rakyat, baik rakyat di luar bandar ataupun rakyat dalam bandar dengan tidak mengira asal-usul keturunan ataupun tidak mengira bangsa dan kaum.

Semua ini akan diberikan layanan-layanan mengikut gambaran-gambaran yang diperuntukkan kepada bahagian-bahagian Kementerian sebagaimana yang telah dinyatakan.

Untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kementerian Penerangan B.44 bahawa banyak perkara yang dibangkitkan mengenai Kementerian ini. Saya rasa semua perkara yang dibangkitkan mengenai Kementerian ini adalah untuk memberikan gambaran ataupun memberikan pandangan supaya Kementerian ini dapat berfungsi lebih baik dan dapat dinikmati oleh semua rakyat, berhubung dengan tugas-tugas ataupun program-program peraturan-peraturan daripada Kementerian ini. Saya suka menarik perhatian di bawah Kementerian ini iaitu Jabatan Penerangan, baik di peringkat negeri ataupun peringkat daerah harus diperbetulkan dan diperbaiki lebih daripada apa yang ada sekarang ini.

Sekarang saya nampak bahawa Jabatan Penerangan ini, kalau dahulu sebelum kita menikmati kemerdekaan ataupun baru merdeka, di mana rakyat berkehendakkan penerangan-penerangan itu sampai ke luar-luar bandar dengan menayangkan filem-filem untuk menggambarkan kehidupan rakyat dan memberikan hiburan tetapi keadaan ini tidak berlaku lagi sekarang kerana rakyat telah dapat mengikuti gambar-gambar, filem-filem itu melalui tayangan TV dan banyak maklumat-maklumat yang disampaikan melalui siaran radio. Jadi saya suka menarik perhatian supaya Jabatan Penerangan Daerah ini ataupun Jabatan Penerangan Negeri ini diubahsuai supaya dapat dinikmati oleh rakyat tentang perkara-perkara yang penting, yang boleh membawa kepada kefahaman rakyat dan dapat membantu keadaan dan kecurigaan-kecurigaan yang berlaku di kalangan rakyat.

Sebagaimana yang kita dapati bahawa masalah dadah ataupun masalah penyelewengan ajaran sesat, bukan sahaja maklumat Kerajaan yang harus disampaikan, tetapi harus diberikan bimbingan kepada rakyat di luar bandar itu.

Jadi untuk itu saya suka mencadangkan supaya Kementerian Penerangan ini dapat mewujudkan Jabatan Penerangan di peringkat Daerah dan Negeri yang terdiri daripada pegawai-pegawai agama, sekurang-kurangnya yang berkelulusan rabi' Sanawi ataupun 4 Sanawi supaya mereka ini dapat dipergunakan untuk masuk ke kampung-kampung memberi penerangan kepada rakyat berhubung dengan penyelewengan-penyelewengan dan ajaran-ajaran sesat ini dan maklumat-maklumat yang didapati oleh pegawai ini adalah maklumat-maklumat yang pasti, betul dan teratur. Dengan sebab itu, saya suka mencadangkan supaya pegawai-pegawai ini dapat ditempatkan di bawah Jabatan Penerangan Negeri dan juga Jabatan Penerangan Daerah dan begitu juga saya ingin menyentuh tentang rancangan bimbingan agama di TV, sebagaimana yang telah saya sebutkan dalam Soal Jawab tempoh hari, supaya ini dapat diambil perhatian oleh Kementerian ini, iaitu waktunya hendaklah disesuaikan supaya rancangan ini dapat diambil perhatian dan dihayati secara sungguh-sungguh oleh para penonton di TV.

Bukanlah maksud saya bahawa masa yang ada sekarang ini tidak sesuai, tetapi tidak begitu cepat, kerana ada kalanya bimbingan agama di letakan setelah tayangan filem dan sebagainya, tetapi tidak dapat mengambil perhatian para penonton. Biasanya filem-filem yang hendak ditayangkan di TV ini, penonton lebih berminat waktu awal, dengan sebab itu saya mencadangkan supaya bimbingan agama ini dapat dihayati dan dapat diterima oleh rakyat, diletakan sebelum filem-filem yang penting itu ditayangkan dan begitu juga saya menarik perhatian dalam bimbingan agama ini, saya jarang jumpa penceramah-penceramah yang mengambil bahagian terdiri daripada kaum wanita. Ini harus diambil perhatian, biar pun satu minggu satu kali, ruangan

bimbingan agama itu diperuntukan khusus untuk wanita, kerana wanita ingin mengikuti ceramah-ceramah bimbingan agama **ini**, terutama sekali kalau yang menyampaikan itu daripada kaum sejenisnya dan kemungkinan penekanan akan dibuat untuk keperluan dan kepentingan wanita-wanita Islam.

Begitu juga pengajaran Muqadam yang di buat di TV yang dilakukan selepas siaran Berita pukul 6.00 petang. Ini saya rasa patut diubah, disesuaikan, iaitu selepas sembahyang Mahgrib 7.30 ataupun 15 minit sebelum Berita pukul 8.00 diletakan siaran Muqadam **ini**. Kerana inilah waktu yang sesuai setelah ibu bapa mendidik anak-anaknya bersembahyang sama-sama, kemudian diarahkan ke muka TV untuk mengikuti siaran Muqadam. Ini pandangan saya supaya ini dapat dihayati, sebab 6.15 petang, anak-anak duduk di luar rumah, mereka bersilat di luar rumah, mereka bermain di luar rumah, mereka bergurau di luar rumah, tetapi ia tidak ada di kaca TV. Dengan sebab itu, saya mencadangkan untuk ia dapat dihayati kerana pengajaran yang saya ikuti ini sangat berguna, bukan sahaja kepada kanak-kanak malahan kepada ibu bapa sekali. Sebab,peraturan-peraturan, susunan-susunan yang dibuat dalam siaran Muqadam ini amat bermutu. Kalau tidak dapat dinikmati dan dihayati oleh mereka yang sepatutnya mengikut **ini**, maka satu kerugian yang paling-besar dan siaran ini amat sia-sia.

Saya suka juga menarik perhatian dan berterima kasih, nampaknya ada perubahan dalam pembacaan Berita hari Jumaat malam Sabtu, pembaca Berita Islam lelakinya berpakaian kebangsaan. Saya pun tidak tahu apa sebab benda ini berlaku, adakah ini satu perubahan ataupun ini satu syarat ataupun satu perkara baru, tetapi saya ucapkan syabas supaya ini dapat dikekalkan, tetapi malangnya, pembaca berita perempuan, saya kurang senang hati, tambah mengada-ngada dengan pakaiannya. Ini cakap terus-terang, kadang-kadang saya ke-

samaran, ianya orang Islamkah atau orang bukan Islam. Tengok-tengok bila namanya keluar, perempuan itu orang Islam, cukup musykil. Ini saya minta perhatian. Kalaulah pembaca yang sudah bersara itu kelmarin molek, teratur, cermat, tolonglah ikuti jejak langkah yang macam itu dan mencerminkan keperibadian orang Islam, kerana itu ditonton oleh semua pihak dan semua bahagian, peringkat termasuk kanak-kanak. Jadi, anak saya bila tengok pemberita itu baca, dia kata, "apa fesyen baju yang dia pakai itu ayah?" "Ayah pun tidak tahu, itu moden", Ini satu keadaan yang kurang menyenangkan dan begitu juga ada juruhebah yang muncul sekejap-sekejap itu pun kadang-kadang ada kalanya melampau. Janganlah melampau. Biarlah ada keperibadian sebagai seorang wanita Islam, kerana ini penerapan, kalau tidak dengan penerapan ini ia tidak berhasil.

Sebab itu tunjukkanlah bentuk-bentuk yang selesa supaya meninggalkan kesan kepada penonton-penonton di TV. Ini maksud saya, bukan kita menyatakan apa yang di buat ini semuanya tidak betul. Malahan yang kita katakan ini untuk memberi kepuasan kepada pihak penonton dan mendatangkan kebaikan bagi pihak TV sendiri.

Saya suka mencadangkan, dahulu TV ini ada rancangan kursus ibadat yang dianjurkan oleh TV sehinggakan macam mana hendak sembahyang mayat pun ada ditunjukkan, tetapi macam mana boleh dihentikan, saya pun tidak tahu. Jadi yang inipun kalau boleh pihak TV cubalah berunding balik, buat rancangan itu balik, kalau boleh supaya rancangan ini di buat semula, sebab kesan yang kita dapat daripada kursus ibadat melalui TV ini amat berkesan sekali terutama sekali ia menunjukkan bagaimana hendak ambil wudhu', macam mana hendak sembahyang, macam mana hendak membersihkan diri. Ini agak saya amat perlu, kerana saya rasa inilah yang banyak meninggalkan kesan dan inilah banayak meninggalkan faedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang Jabatan Perdana Menteri, khususnya Bahagian Agama - Pusat Islam yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, iaitu saya berterima kasih di atas rancangan kelas rasmi yang di hantar ke masjid-masjid. Tetapi saya ingin menyarankan di sini supaya ini dapat dikaji dari satu masa ke satu masa supaya tujuan dan maksud kita itu tidak disalah gunakan.

Saya ingin mencadangkan supaya pegawai-pegawai agama yang cekap dan dedikasi ditambah dan diperbanyakkan lagi di bahagian ini supaya pegawai-pegawai ini dapat kita tugaskan atau dapat memenuhi hasrat dan kehendak rakyat yang meminta pegawai-pegawai ini supaya datang ke kampung-kampung memberikan ceramah di hari-hari yang tertentu dan masa-masa yang tertentu, kerana banyak rungutan bahawa susah hendak mendapatkan pegawai daripada Jabatan Perdana Menteri ini, kerana kata mereka, pegawai-pegawai tidak cukup. Jadi dengan sebab itu, saya mencadangkan supaya pegawai-pegawai ini dapat ditambah ataupun kalau tidak boleh ditambah, kita akan gunakan peruntukan lain supaya ada pegawai-pegawai yang lain khususnya yang tinggal di negeri-negeri yang patut kita ambil supaya dijadikan pegawai sambilan ataupun pegawai yang kita bayar elaun ketika dia menyampaikan ucapan ataupun menyampaikan ceramah di kampung-kampung yang diletakkan di bawah biayaan Jabatan Perdana Menteri ini.

Begitu juga tentang kursus nadwah kelas bimbingan yang pernah diadakan ini, kalau boleh biarlah dibanyakkan sedikit di peringkat negeri, kerana di peringkat pusat ini hanya orang tertentu sahaja yang boleh mengikuti, tetapi orang yang di luar tidak dapat. Oleh kerana di sana banyak Kertas-kertas Kerja yang saya lihat dan saya ikuti, banyak keperluan-keperluan itu harus disampaikan untuk rakyat di luar. Maksud saya supaya benda itu dapat disampaikan di peringkat negeri. Kalau hendak dibuat di peringkat daerah mungkin susah, tetapi peringkat negeri ini mustahak. Begitu juga, saya mencadangkan supaya ada Pegawai-pegawai Petugas yakni Pegawai-pegawai Agama yang ditugaskan untuk melihat, memerhati, menasihati, memberi perasaan kesabaran kepada pesakit-pesakit di hospital. Ini-pun telah saya cakapkan dahulu, supaya ini dapat memberi gambaran bahawa kemurniaan hati dan jiwa daripada orang-orang Islam ini dapat kita pergi berikan kepada pesakit-pesakit di hospital Kerajaan ataupun swasta.

Ini saya nampak amat tinggi kesannya dan amat berharga, kerana orang sakit itu, manakala orang yang mempunyai pendidikan kerohanian ini sampai, khususnya orang-orang beragama, bertanya dengan dia, bagi dia tahu supaya dia sabar dan sebagainya, akan boleh meringankan keadaan terutamanya pesakit-pesakit yang berkehendakkan pertolongan ataupun berkehendakkan nasihat. Dengan sebab itu saya mencadangkan supaya kalau ini tidak boleh dibuat sekaligus, kita buat beransur-ansur, sekurang-kurangnya di hospital-hospital besar di peringkat negeri.

Begitu juga saya amat meminati al-risalah iaitu sebaran am yang dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri iaitu Pusat Islam. Tetapi sebarannya ini kurang sampai di bahagian orang-orang awam. Cuma yang kita sasarkan kepada Jabatan-jabatan Agama Negeri, kemudian Jabatan Agama Negeri itu menyampaikan kadang-kadang tidak begitu meluas sebab risalah-risalah ini peruntukannya terhad. Saya mencadangkan biarlah bentuknya kurang, tetapi dapat dinikmati oleh ramai orang.

Di samping itu juga saya mencadangkan supaya kutipan derma amal jariah yang sedang berjalan sekarang ini nampaknya tidak begitu menggalakkan. Saya rasa banyak di antara kita ini pun tidak pernah membeli stem amal jariah ini. Sebab itu saya mencadangkan, mengulang balik apa yang pernah saya cakapkan dahulu supaya satu Jawatankuasa menimbangkan tentang potongan gaji bagi mereka yang bergaji sama ada swasta ataupun Kerajaan tidak kira berapa peratus hendak dipotong, sekurang-kurangnya 0.5% pun boleh, iaitu setengah peratus. 1% itu takut tinggi, tetapi kesannya daripada potongan ini saya rasa tidak akan menjejaskan kedudukan dan keadaan. Dengan sebab itu, saya mencadangkan supaya ini dapat semua pihak merasai, sebab manusia ini ada kalanya dengan cara suka hati itu, kadang-kadang dia tidak berminat, bila sudah dijadikan perintah, akhirnya dia akan redha di atas perbuatan yang baik. Ini saya suka mencadangkan.

Begitu juga dalam masalah makan. Tanda "halal" ini sebagaimana yang dijawab oleh Timbalan Menteri berhubung dengan ini, saya suka menarik perhatian bahawa sebab makan ini membayangkan bentuk tubuh dan makan ini juga akan menentukan diri kita ini bersih atau tidak bersih. Sebab itu perkara ini patut diteliti dan dihalusi. Kita tidaklah boleh padakan sahaja dengan Jawatankuasa-jawatankuasa ini,

malahan kita kena fikirkan macam mana supaya jangan ada penipuan yang dilakukan oleh usahawan-usahawan tentang merosakkan makanan bagi orang Islam ini. Walaupun boleh kita bercakap, tentang halal haram ini mudah dan senang.

Kita khuatir ataupun kita rasa syak atau was-was, tidak usah makan - mudah. Bercakap pun mudah, buat pun mudah. Tetapi bagi yang ramai tidak mahu macam itu. Dia kira selera. Asalkan sedap, tidak kira halal haram. Sebab itu Persatuan Pengguna Pulau Pinang dan banyak lagi risalah-risalah daripada pihak anak-anak yang terlibat dalam bahagian tabligh ini membuat surat-surat sebaran menentukan barang-barang yang tidak boleh makan dan tidak boleh dipakai, dibuatkannya senarai. Kemudian orang-orang yang kurang faham dalam agama ini, atau kurang pengetahuan dia akan datang berjumpa dengan orang yang lebih pengetahuan, bertanyakan betul ataupun tidak betul perkara-perkara semacara ini. Kitapun tidak berani hendak kata ini betul, ini tidak betul. Kita kata, kalau ada was-was, tinggalkan sahaja, tidak usah makan, tidak usah pakai, tidak usah ambil, tidak usah beli. Cakap kita itu tidak boleh diterima.

Dengan sebab itu, saya mencadangkan sekurang-kurangnya keadaan ini dapat kita kurangkan, jangan sewenangnyanya, kadang-kadang kita lihat di kedai makan orang Islam, benda ini ditanggung halal sedangkan kita sendiri pun tidak tahu betul atau tidak betul. Adakah dibuat semakan, adakah dibuat kajian, adakah Jabatan Agama atau Pusat Islam telah menyemak, adakah Mufti-mufti telah mengatakan ini betul halal. Ini yang menjadi masalah.

Kemudian saya menyentuh dalam masalah Kementerian Pelajaran iaitu B.26. Saya nampak Kementerian Pelajaran ini bersungguh-sungguh untuk membawa rakyat kepada satu bentuk masyarakat yang baik

dan sempurna. Berbagai-bagai rancangan dan berbagai-bagai kurikulum dikeluarkan, berbagai-bagai perancangan dilancarkan. Kesemuanya itu untuk melahirkan anak-anak atau pelajar-pelajar yang baik dan bertanggungjawab kepada negara, bangsa dan agama.

Walau bagaimanapun, saya sukalah mencadangkan supaya ada perkara-perkara yang patut diambil perhatian oleh Kementerian Pelajaran terutama sekali yang saya lihat ialah tentang tulisan Jawi. Tulisan Jawi ini, kalau kita kata ini bukan tulisan kebangsaan, tetapi kita jangan lupa tulisan Jawi ini adalah satu tulisan yang sudah menjadi sehati, yang sudah menjadi idaman bagi orang-orang yang cintakan agama, maknanya orang yang kasih kepada Islam kadang-kadang tulisan Jawi ini menjadi idaman kepada mereka. Sebab bahaya orang yang tidak mengetahui tulisan Jawi ini amat banyak. Terutama sekali sebutan yang ditulis dengan Rumi tidak betul. Lain yang ditulis lain yang disebut, kerana slangnya tidak sama. Tulisan Jawi ini kadang-kadang kita orang Melayu khususnya, suruh tulis Jawi, dia tidak boleh tulis; suruh baca, dia tidak boleh baca, apatah lagi dia tidak kenal al-Quran. Dengan sebab itu tulisan Jawi ini, saya minta pihak Kementerian menekankan supaya mata pelajaran wajib terutama sekali kepada bahagian pendidikan agama Islam supaya ini dapat diletakkan satu panduan yang paling baiksekali, kalau boleh buat satu pecahan soalan dalam pendidikan agama ini yang menterjemahkan tulisan Rumi kepada tulisan Jawi.

Ini kita pernah buat, pernah berlaku dalam peperiksaan di mana dalam Bahasa Malaysia ada bahasa Inggeris yang diterjemahkan kepada Bahasa Malaysia. Jadi, ini kita buat satu soalan tulisan rumi dialih tulisannya kepada jawi. Ini saya suka mencadangkan supaya minat murid-murid ini dapat ditimbulkan.

Begitu juga tentang kaunseling. Saya nampak kaunseling sekolah rendah ini patut diadakan sebab pertumbuhan anak-anak yang kecil ini walaupun KBSR ini banyak menekankan lebih kurang kaunseling juga tetapi saya nampak tidak boleh mengubati hati dan jiwa. Sebab itu saya mencadangkan supaya kaunseling sekolah rendah ini dibuat terutama sekali bagi kita orang-orang Islam ini dibuat oleh guru-guru agama sendiri. Guru Agama ini harus ditekankan dan diberi didikan kaunseling supaya mereka faham dan tahu bagaimana hendak mendidik hati anak yang masih kecil supaya dapat ditanamkan semangat keagamaan secara sekolah-sekolah. Sebab itu saya tekankan kaunseling ini pihak sekolah rendah hendaklah dilakukan. Sebab daripada apa yang saya tinjau dan saya tengok dan saya lihat bahawa kurang sangat guru-guru agama ini memberi kaunseling kepada murid-murid sekolah rendah ini, akibatnya anak itu tidak minat kepada ajaran agama.

Begitu juga saya beralih kepada keadaan dan kedudukan asrama di sekolah dan disiplin. Saya nampak ini pun sudah tidak begitu menyenangkan hati. Di mana puncanya saya pun tidak tahu. Sama-sama kita tengok dalam gambar TV di mana Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri tidak puas hati bila melihat asrama-asrama dengan harta-harta Kerajaan musnah, tambahan pula hari ini adalah hari akhir peperiksaan anak-anak. Anak-anak yang meninggalkan asrama biasanya dia memecah almari, mengoyakkan tilam, dia buat apa perkara yang

boleh dirosakkan akan dirosakkan, yakni golongan anak-anak yang nakal. Hari ini hari yang terakhir. Jadi asrama-asrama ini terdedah dengan keadaan yang semacam itu.

Saya pernah baru-baru ini melawat sebuah asrama penuh, saya tengok air melempah ke luar dengan sampah-sampah. Sedangkan saya tanya apa jadi macam ini. Budak-budak itu lari, mereka buat tidak tahu sahaja. Jadi, gambaran yang kita tengok, yang kopak, yang koyak; jadi saya nampak ini satu keadaan yang kurang menyenangkan. Kalau sudah begitu bentuk kebersihan dan disiplin tidak berlaku kepada anak-anak yang tinggal di asrama yang kita percaya selama ini anak yang duduk di asrama penuh itu mendapat didikan yang baik, mendapat akhlak yang baik, mendapat panduan yang baik, tetapi gambaran ini tidak betul.

Dengan sebab itu saya menyeru kepada Kementerian supaya ini dapat dibuat penyelidikan di mana silapnya bahawa harta-harta Kerajaan di asrama-asrama ini dirosakkan, ataupun anak-anak ini kurang berminat tentang kebersihan. Begitu juga saya tengok murid-murid di sekolah menengah sekarang ada kedapatan, saya tidak mahu sebut nama sekolah, bahawa disiplin ini tidak ada lagi. Murid-murid berambut panjang, bajupun tidak masuk ke dalam sebagaimana yang semestinya bagi laki-laki, keadaannya compang-camping, tidak ada apa tindakan yang diambil oleh pihak sekolah. Dan kita tengok waktu-waktu dia datang sekolah pun tidak kira, waktu dia balik pun tidak kira. Pernah saya tanya dua tiga orang murid apabila saya jumpa pukul 10.30 atau 11.30 pagi kenapa kamu keluar? Dia kata tidak ada apa dibuat di sekolah. Apa sudah jadi. Jadi masalah yang semacam ini, inilah yang kita jumpa. Tambahan pula taman rekreasi sekarang ini banyak, murid-murid berdua-duaan di taman rekreasi pukul 12.30 tengah hari. Kalau Tuan Yang di-Pertua, tidak percaya, kita boleh saksikan di tempat-tempat yang tertentu. Apa hendak jadi. Waktu itu

waktu kelas. Sepatutnya budak berada di sekolah. Pukul 12.30 tengah hari, berdua-duaan di taman-taman rekreasi yang banyak wujud berdua-duaan di taman-taman rekreasi yang banyak wujud di peringkat-peringkat daerah. Ini amat menyedihkan.

Kalau kita tidak ambil perhatian kerana disiplin ini tidak boleh ditekankan secara bersungguh-sungguh saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, ini akan mengakibatkan satu bentuk rakyat yang sungguh membimbangkan di masa yang akan datang.

Jadi saya suka mengambil cadangan ini supaya pihak Kementerian di dalam perjumpaan Pengetua-pengetua Sekolah ini, disiplin ini harus ditekankan kerana banyak maklumat-maklumat yang kurang menyenangkan hati kita yang kita dapati berlaku di sekolah-sekolah. Tambahan pula apabila tidak diberi kuasa kepada guru disiplin sekolah itu untuk merotan ataupun untuk mendenda murid-murid yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Dalam Negeri iaitu saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri berhubung dengan kad pengenalan. Kad pengenalan yang ada sekarang ada sedikit keliru dan ada sedikit benda yang boleh mengelirukan. Ini saya bercakap di atas perkara yang sudah berlaku iaitu di dalam kad pengenalan tidak ada ditulis agama. Agama tidak ada di dalam kad pengenalan,

Saya rasa ini mustahak. Sebab apa yang berlaku di Negeri Sembilan baru-baru ini satu rebutan saudara baru yang mati sedangkan dia sudah berputar balik. Sudah murtad. Kemudian kerana namanya itu nama Islam, pihak Jabatan Agama terpaksa menggunakan polis untuk hendak mengambil jenazah sedangkan keluarga-keluarganya mendakwa ianya bukan Islam lagi. Sudah berpuluh tahun mengikut agama asal, tetapi tidak ada bukti hendak ditunjuk.

Jadi, dengan sebab itu pertelingkahan berlaku. Hampir-hampir satu pergaduhan berlaku di Hospital Besar Seremban untuk menyelesaikan satu mayat kerana dalam kad pengenalannya itu nama Islam tetapi warisnya mendakwa dia bukan Islam lagi. Tetapi kita menghormati kerana dia Islam, terpaksa juga diberikan kawalan, digunakan polis selamatkan dia dan kuburkan dia dalam kubur Islam. Dan kalau Tuan Yang di-Pertua ada teringat, Bacaria ada mengeluarkan gambar kubur itu di Seremban, seorang saudara baru yang sudah dijadikan seolah-olah tokong pula dekat kubur itu. Bacaria, saya lupa bila haribulannya, mengambil gambar dan bertemuramah pihak Jabatan Agama macam mana benda ini boleh berlaku, sebab kubur yang diletakkan itu adalah dalam kawasan perkuburan Islam tetapi keluarga dia membuat kubur bangsa dia sendiri.

Jadi ini kita pandang adalah perkara kecil, tetapi ini bukan perkara kecil, ini adalah satu perkara besar. Jadi, dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendedahkan ini semua adalah untuk kepentingan dan keperluan yang patut kita ubahsuai kerana ini tidaklah melibatkan banyak wang, cuma hanya melibatkan pelaksanaan dan pentadbiran. Apa yang saya sebutkan ini mungkin tidak melibatkan banyak wang. Walaupun kita bercakap dalam perbekalan, tetapi perkara ini kita sentuh pihak Kementertan supaya ini dapat diberikan perubahan-perubahan bagi menyelesaikan banyak masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah yang saya sentuh. Kalau yang lain itu biarlah orang yang kemudian untuk menyentuhnya.

Jadi, walau bagaimana sekalipun, bagi mengakhiri perbahasan ini saya menyokong di atas Akta Perbekalan 1987 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Lajim.

4.10 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Assalamualaikum. Bismilahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama rakan-rakan saya yang lain untuk turut serta dalam menyokong pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1987,

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat semua sedia maklum, keadaan prestasi ekonomi negara kita tidaklah begitu baik pada tahun 1987. Keadaan kemelesetan ekonomi negara pada tahun ini akan terus berlanjutan hingga beberapa tahun akan datang. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, negara kita juga tertakluk kepada kesan ekonomi antarabangsa di mana kebanyakan negara-negara maju juga merekodkan pertumbuhan ekonomi yang menurun.

Di negara kita kesan ini dirasai dari kejatuhan harga barangan utama negara. Paras pengaliran masuk modal yang rendah serta pertumbuhan perlahan dagangan antarabangsa. Berdasarkan kepada Laporan Ekonomi Kerajaan, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah turun sebanyak 1% dan pertumbuhan ekonomi diramalkan hanya 0.5% sahaja. Pendapatan Kerajaan pula dijangka kurang sebanyak \$2 billion menyebabkan Kerajaan terpaksa memotong Perbelanjaan Mengurus sebanyak \$1.4 billion. Kita juga melihat jumlah keseluruhan defisit yang dialami oleh Kerajaan Pusat, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK), Off-Budget Agencies, dengan izin, sebanyak \$12.5 billion atau 19% dari KDNK tahun 1986. Ini menunjukkan ketidakseimbangan antara pendapatan dan perbelanjaan Kerajaan. Di waktu yang sama, Kerajaan terus meminjam dari sumber dalam dan luar negeri bagi menampung defisit ini yang berjumlah hampir \$40 billion pada tahun 1986. Demikianlah latarbelakang scenario Belanjawan 1987 yang telah membuat Kerajaan mengambil beberapa strategi jangka pendek untuk merangsang semula pertumbuhan sederhana ekonomi negara. Saya rasa pembentangan Belanjawan itu adalah wajar dan realistik.

Walau bagaimanapun, izinkan saya menyentuh beberapa perkara mengenai perbelanjaan ini yang perlu diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini nampaknya terdapat kenaikan harga beberapa barangan utama negara seperti kelapa sawit, timah, papan lapis dan getah. Ini mungkin satu berita gembira kepada rakyat dan Kerajaan. Tetapi janganlah ini telah menunjukkan zaman kemelesetan akan berakhir segera. Janganlah tanda-tanda ini telah membolehkan Kerajaan melupakan dasar berjimat-cermatnya. Harga barangan akan terus turun naik dan Kerajaan harus berhati-hati di dalam perbelanjaannya. Kita berharap Kerajaan akan meneruskan dasar mencegah kemelesetan counter cyclical measure, dengan izin, sebagai usaha memperbaiki ekonomi negara. Ekonomi negara-negara maju juga nampaknya terus merosot dengan kadar pertumbuhan yang menurun. Prospek pertumbuhan negara Jepun akan lebih perlahan pada kadar 2.7% iaitu satu kadar yang paling rendah. Ini akan menjadikan prospek tahun 1987 di Jepun tetap muram hasil dari tekanan dasar-dasar perlindungan negara-negara perindustrian juga kerana pertukaran matawang Yen Jepun.

Pertumbuhan yang serupa dialami juga di United Kingdom (UK), 2.5% tahun 1986, Prancis, 20.2% 1986/1987 dan 3% Jerman Barat, satu indikasi yang mungkin menjadi perhatian ahli-ahli ekonomi adalah kadar pertumbuhan ekonomi yang meningkat di Amerika Syarikat dari 20.7% pada tahun 1985 ke 2.9% pada tahun 1986. Dan jangkaan 3.5% pada tahun 1987. Kadar inflasi dan pengangguran akan tetap meningkat di negara-negara perindustrian melainkan di Amerika Syarikat dan Jerman, Barat. Penjelasan ini menggambarkan prestasi ekonomi kita yang banyak bergantung kepada ekonomi negara-negara perindustrian akan masih tetap terjejas pada beberapa tahun yang akan datang. Pertumbuhan negara-negara maju akan mempunyai kesan time-lag, dengan izin, secara relatif dengan negara kita.

Oleh yang demikian, saya amat mengalu-alukan langkah Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Anti Kemelesetan sebagai usaha memperbaiki ekonomi di zaman kemelesetan ini. Rakyat berharap langkah-langkah anti-kemelesetan seperti mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, meningkatkan kegiatan-kegiatan ekonomi dalam negeri, memperbaiki kedudukan kewangan sektor awam, meningkatkan tabungan awam dan swasta serta mempergiatkan pertumbuhan sektor swasta akan mencapai matlamatnya. Jawatankuasa ini seharusnya sentiasa mengulang kaji dan menjejaki situasi ekonomi negara dan perkembangannya patutlah diketahui oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, terkadang-kadang dasar-dasar ekonomi sentiasa berubah sebagai satu langkah penyesuaian pada keadaan. Di Jepun misalnya kini sedang beransur-ansur menukar dasar pertumbuhannya daripada dasar yang menitikberatkan eksport kepada satu dasar yang berasaskan permintaan dalam negeri. Di negara kita nampaknya Kerajaan menggunakan kedua-dua strategi ini iaitu menggalakkan pelaburan berorientasikan eksport di samping menitikberatkan permintaan dalam negeri. Sehubungan dengan ini, saya ingin menyentuh dengan ringkas usaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai program khas membina 80,000 unit rumah kos rendah setiap tahun untuk jangka masa 3 tahun yang akan datang. Tetapi sehingga setakat ini kesan dari pelaksanaan program tersebut masih belum dapat dirasai. Program ini secara langsung membantu pertumbuhan industri pembinaan. Usaha-usaha untuk memulihkan sektor pembinaan adalah amat penting memandangkan ramai usahawan-usahawan bumiputera terlibat dalam sektor ini. Tetapi malangnya kini sektor pembinaan merupakan salah satu sektor yang paling teruk ditimpa oleh kemelesetan ekonomi sejak kebelakangan ini. Akibatnya ramai yang telah kehilangan pekerjaan dan menghadapi kesulitan kewangan.

Mengikuti Laporan Ekonomi 1986/1987, sektor pembinaan mengalami kemerosotan yang ketara semenjak 1985 iaitu sebanyak 8.4% dan dianggarkan merosot lagi kepada 9% pada tahun 1986. Sektor ini dijangka akan terus merosot pada tahun 1987 berikutan dari pengurangan yang besar dalam perbelanjaan sektor awam dan lebihan yang besar pada rumah, bangunan, pejabat dan ruang perniagaan. Oleh yang demikian, saya berpendapat usaha-usaha memulihkan sektor ini masih belum berkesan kerana terdapat rancangan dalam pendekatannya. Misalnya, Kerajaan ingin menggalakkan pemaju-pemaju perumahan membina rumah yang mampu dibeli oleh pengguna. Tetapi pada ketika yang sama Kerajaan meningkatkan kadar faedah pinjaman perumahan dari 4% kepada 5% dan kenaikan umur kelayakan dari 30 tahun ke 33 tahun. Langkah ini dengan sendirinya telah semakin melemahkan daya pembelian pengguna. Kita harus sedar pemaju-pemaju banyak bergantung daripada kakitangan Kerajaan. Keadaan ini sudah pasti menyulitkan pemulihan sektor pembinaan. Di waktu yang sama saya berharap pihak Kerajaan dapat menubuhkan sebuah jawatankuasa petugas sebagai langkah menyelamatkan kontraktor yang menghadapi masalah tawaran kerja dan tindakan pihak-pihak bank. Jawatankuasa ini boleh disyorkan dianggotai oleh Perbendaharaan, Kementerian Kerjaraya, Pusat Khidmat Kontraktor dan agensi-agensi pelaksana lainnya.

Tuan Yang di-Petua, sebagai satu lengkaran berhubungankait (vicious circle), dengan izin, kelembapan ekonomi negara telah menyebabkan pemberhentian ramai pekerja di semua sektor, baik perkilangan, perlombongan, pembinaan dan lain-lain. Kadar pengangguran pada tahun 1985 adalah 7.6% meningkat dari 6.3% dalam tahun 1984. Kadar tahun 1986 adalah 8.7% yang dianggarkan 529,000 orang. Sudah pasti kadar ini akan terus meningkat pada tahun 1987.

Kita menyedari terkadang-kadang pemberhentian kerja ini tidak dapat dielakkan, tetapi saya berasa dukacita adanya berlaku kes-kes pembuangan kerja secara diskriminasi. Kita selalu mendengar sungutan di mana syarikat-syarikat milik bukan bumiputera kerap menjadikan pekerja-pekerja bumiputera sasaran utama pemberhentian kerja.

Saya harap Kementerian Buruh akan menyiasat kes-kes seperti ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya pada amalan yang tidak sihat ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini kita sering mendengar berbagai-bagai peristiwa mengenai mahasiswa seperti siswa menganggur, siswa tani dan skim kerja sementara mahasiswa. Sekeping ijazah bukan lagi paspot untuk mendapatkan pekerjaan secara otomatis. Sekeping ijazah juga bukan bermakna mereka sudah boleh berdikari membentuk pekerjaan sendiri. Pengajian tinggi hanyalah satu pencapaian kekuatan mental. Saya berharap pihak Kementerian Pelajaran dapat memikirkan satu langkah jangka panjang supaya graduan-graduan dilengkapi dengan ilmu-ilmu kehidupan (survival), unsur-unsur motivasi dan lain-lain sebagai satu acuan mengeluarkan manusia yang boleh membentuk pekerjaan.

Sehubungan dengan ini, izinkan saya menyentuh dengan ringkas mengenai Kementerian Pelajaran yang mana telah diperuntukkan sebanyak \$4.82 billion. Tidaklah dinafikan pelajaran adalah satu pelaburan negara kepada tenaga manusia dan Kerajaan juga menyedari hubungkait yang selari antara Program Pelajaran dengan Pelan Induk Perindustrian.

Ketika membentangkan Ucapan Belanjawan 1987, Yang Berhormat Menteri Kewangan ada mencadangkan penubuhan universiti kembar dengan universiti ternama di luar negeri. Penubuhan ini pasti dapat

mengurangkan pengaliran wang keluar negeri. Cadangan ini perlu dapat perhatian dan tindakan segera dari Kementerian.

Sebagai satu langkah jangka panjang Kementerian Pelajaran seharusnya memikirkan penubuhan kolej-kolej swasta yang berprestasi tinggi untuk mengeluarkan profesional di bidang-bidang tertentu. Jika sistem pelajaran tinggi dapat diperkembangkan dengan sempurna oleh pihak swasta, berkemungkinan Kerajaan akan membenarkan penubuhan universiti swasta sebagai satu pelengkap (complementary) kepada Sistem Pelajaran Kebangsaan Kerajaan.

Saya fikir Kerajaan masih ingat akan implikasi sosio-politik dalam bidang ini, tetapi Kerajaan mungkin dapat membentuk Akta Khas Universiti Swasta yang selari dengan Dasar Pelajaran kita. Sungguhpun Kerajaan tidak perlu lebih banyak universiti, tetapi mutu pelajaran dan pembiayaan oleh swasta akan dapat mengurangkan beban Perbelanjaan Mengurus Kerajaan. Pada masa hadapan bidang ini mungkin menjadi satu industri berpotensi yang mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di semua bidang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita maklum, Kerajaan telahpun memperkenalkan dasar-dasar baru yang innovative seperti Perusahaan Berat, Persyarikatan Malaysia, Penswastaan, Pandang ke Timur dan lain-lain lagi.

Saya hanya ingin menyentuh sedikit sahaja mengenai Dasar Penswastaan kita. Nampaknya pada tahun 1987 peranan sektor awam sebagai penggalak ekonomi semakin berkurangan berbanding dengan tahun-tahun yang lain. Ini adalah berikutan dari dasar fiscal Kerajaan yang berhati-hati bagi mengukuhkan kedudukan kewangan sektor awam. Kedudukan kewangan Perbadanan Awam Bukan Kewangan (PABK) bertambah lemah pada tahun hadapan. Jumlah hasil PABK

dijangka berkurang dari \$18,808 juta pada tahun 1985 kepada \$18,228 juta pada tahun 1986 sedangkan Perbelanjaan Mengurus tidak banyak berubah dari \$12,853 juta pada tahun 1985 kepada \$15,840 juta pada tahun 1986.

Jangkaan tahun 1987 juga tidak menggambarkan pertumbuhan yang merangsangkan dengan hasil yang berkurangan dan Perbelanjaan Mengurus meningkat. Lebih keseluruhan Akaun Semasa PABK berkurangan sebanyak 52% berbanding pada tahun 1986. Ini berikutan dari kemerosotan harga barangan terutamanya petroleum di mana PETRONAS merupakan penyumbang utama.

Saya pasti Kerajaan telah dan sedang menjalankan langkah-langkah positif bagi memperbaiki keadaan ini. Saya berharap pihak Kerajaan telah mengenalpasti mana-mana agensi yang tiada prospek mendatangkan keuntungan dengan memberhentikan operasi agensi-agensi tersebut atau sebagai alternatifnya menswastakan agensi-agensi tersebut. Walau bagaimanapun, di dalam keghairahan kita melaksanakan Dasar Penswastakan ini, saya berpendapat eloklah Kerajaan sentiasa berhati-hati dan berawas mana-mana PABK-PABK yang menguntungkan hendaklah terus dikendalikan oleh Kerajaan sebagai satu national monopoly, dengan izin, seperti LLN, Telekom, MAS, PETRONAS dan lain-lain lagi. PABK-PABK ini telah memberikan sumbangan yang besar kepada ekonomi negara. Kerajaan mungkin dapat mengubah modus operandi dan faktor-faktor motivasi, keusahawanan di kalangan kakitangan dan pegawai-pegawainya sebagai sebuah industri yang berkembang maju.

Seperkara lagi, pihak Kerajaan hendaklah memberikan keutamaan kepada pelabur-pelabur dalam negeri sendiri jika ada agensi-agensi yang ingin diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh serba sedikit mengenai pertahanan negara dan peruntukan bagi Kementerian Pertahanan.

Kita bersyukur kerana negara kita berada dalam keadaan aman dan stabil, tetapi faktor dalam dan luar negeri akan sentiasa boleh menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara ini. Perkembangan akhir ini di rantau Asia Tenggara mahupun negara-negara jiran kita hendaklah diambil kira di dalam merumus satu konsep pertahanan yang menyeluruh atau total defence, dengan izin.

Pergeseran kuasa-kuasa besar di rantau ini mahupun dasar-dasar aggression oleh jiran blok komunis kita akan sentiasa meletakkan kita dalam keadaan kedaruratan. Kita tidak boleh melupakan kisah-kisah 'kuda kayu' ataupun Kuda Trojen yang telah melumpuhkan satu Kerajaan yang kuat di zaman dahulu. Kerajaan pasti dapat memikirkan menerusi agensi-agensi seperti Institusi Kajian Stratejik dan Antarabangsa (ISIS), Community Intelligence dan lain-lainnya kepada permasalahan ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan juga mesti mengambil langkah-langkah yang teliti terhadap institusi-institusi yang menjadi panduan kepada Kerajaan, takut kalau-kalau institusi-institusi ini juga sudah diserap anasir komunis ataupun menjadi agen negara musuh. Dari itu saya menyeru kepada Kerajaan supaya perhatikan dengan halus dan bijaksana terhadap personalities untuk mengendalikan institusi-institusi seperti yang ada di tanahair ini.

Perbelanjaan sektor keselamatan telah bertambah sebanyak 1.9% pada tahun 1986 kepada \$3,037 juta daripada \$3,274 juta pada tahun 1985. Perbelanjaan pertahanan juga meningkat sebanyak 6.5% kepada \$2,063 juta pada tahun 1986. Tetapi nampaknya peruntukan ini

terlalu berkurangan bagi peruntukan tahun 1987 sebanyak \$399.9 juta. Peruntukan tahun 1987 ialah hanya \$1.99 billion. Pengurangan ini berkemungkinan melibatkan pembekalan military hardware yang diperlukan untuk pertahanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, walau apapun sistem pertahanan negara kita, ketahanan rakyat perlu juga diberi perhatian menerusi konsep pembinaan negara (nation-building). Ini saya serukan kepada Kerajaan dengan bersungguh-sungguh oleh kerana memerhatikan jiran kita nampaknya bersungguh-sungguh menekankan perasaan dan menanamkan semangat jiwa ketahanan kepada rakyat mereka, terutama jika saya tidak silap mereka boleh memanggil ahli-ahli askar volunteernya dalam tempoh dua jam, Kerajaan jiran kita boleh membobilaiskan tenteranya, ini amat menakutkan jika kita tidak bersedia.

Seterusnya negara ini telah dapat melalui beberapa krisis dalaman tetapi baharu-baharu ini telah ada apa yang dikatakan pemimpin-pemimpin negara ini kurang memahami konsep 2; dengan menimbulkan isu-isu sensitif pembentukan perkauman. Saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya mengulangkaji konsep pembentukan negara ini seperti Rukunegara, Rukun Tetangga, Jabatan Perpaduan Negara, cogankata-cogankata, matapelajaran tata negara sama ada masih berkesan atau telah ketinggalan zaman. Saya berpendapat kajian perlu segera dibuat pada permasalahan ini dan usaha-usaha membaikinya menerusi perancangan, perangsaraf-perangsaraf perlu dibaiki sesuai dengan keadaan yang cepat berubah.

Saya juga ingin mengesyorkan di sini supaya diadakan satu forum tertutup khas untuk Ahli-ahli Parlimen bagi mengetahui mengenai keselamatan negara dan strategi-strategi pertahanan negara. Di dalam forum khas ini penal-penal yang terlibat bolehlah terdiri dari ahli akademik dari lapangan berkenaan, pegawai tertinggi tentera, darat, laut dan udara, Kementerian Pertahanan, Pegawai-pegawai ISIS, Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Luar Negeri serta lain-lain agensi

Kerajaan yang terlibat secara langsung dengan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian dan dengan ini saya menyokong pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1987.

Beberapa Orang Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, kerana empat sekali bangun susah saya hendak pilih. Kita jarang dengar suara wanita di sini, jadi kita beri peluang kepada Yang Berhormat Puan Rokiah.

4.34 ptg.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberi untuk saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang disatukan untuk Perkhidmatan bagi tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Perkhidmatan bagi tahun ini. Saya ingin menyentuh B. 26 iaitu Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, apabila semua sekolah rendah melaksanakan Kurikulum Baharu Sekolah Rendah pada tahun 1988, Kementerian Pelajaran hendaklah mengkaji semula isi kandungan Surat Pekeliling Pentadbiran Bilangan 3/67 untuk faedah murid-murid dan sekolah-sekolah. Kedua, Guru-guru Panduan dan Guru Perpustakaan,terutamanya di sekolah rendah hendaklah dipertimbangkan supaya mereka benar-benar berfungsi sebagai Guru-guru Panduan dan Guru-guru Perpustakaan. Pada masa sekarang mereka dikenakan mengajar 25 waktu seminggu. Oleh sebab itu, tumpuan kepada tugas panduan dan perpustakaan tidak dapat dilakukan. Mengikut Surat Pekeliling sekolah-sekolah rendah yang mempunyai 1,000 buah buku boleh wujud seorang Guru Perpustakaan tetapi ini tidak dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Surat Pekeliling Pentadbiran 1/58, Guru Besar sekolah-sekolah rendah Gred 'C' hanya diberikan kerani sambilan. Ini sangat membebankan Guru-guru Besar sekolah 'C'. Dari itu, saya berharap Kementerian Pelajaran dapat wujudkan seorang keranitetap untuk sekolah-sekolah "C" ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kakitangan bukan guru, Kementerian Pelajaran mengira daripada jumlah ramai murid-murid barulah boleh mewujudkan kakitangan bukan guru. Saya berharap Kementerian Pelajaran hendaklah melaksanakan juga mengikut keluasan kawasan sekolah seperti yang tercatat iaitu dua ekar kawasan boleh diwujudkan seorang tukang kebun, peruntukan ini ada tetapi pelaksanaannya tidak.

Bersabit dengan bantuan per capita pada masa ini pada setiap orang murid sekolah hendaklah dikekalkan dan ditambah lagi sesuai dengan harga barangan pada masa ini. Dengan demikian, pembelajaran dan pengajian murid-murid dapat ditingkatkan lagi sementara bantuan untuk kelas kurikulum baharu sekolah rendah hendaklah diteruskan seperti yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit dengan B.19 - Kementerian Pertanian. Saya rasa keadaan kemelesetan ekonomi yang dialami oleh Kerajaan dan rakyat negara ini menyebabkan timbul satu kesedaran oleh Kementerian Pertanian untuk menanam lebih banyak sumber makanan dari mengimport sumber makanan bernilai berjuta-juta ringgit dari negara jiran. Sumber makanan itu ialah sayur-sayuran, ubi keledak, buah-buahan, beras dan lain-lain lagi. Jika kita lihat dan kaji betul-betul perkara-perkara atau barang-barang yang diimport masuk itu adalah barang-barang yang boleh ditanam oleh rakyat dan belia-belia di negara kita.

Kita berasa sedih melihat begitu banyak sumber makanan yang diimport masuk, padahal kita mempunyai banyak kawasan tanah yang belum diusahakan dan kita mempunyai tenaga manusia yang melimpah-limpah. Sayangnya, satu perancangan yang teliti tidak diusahakan dengan menggabungkan dua sumber di atas tadi iaitu tanah dan tenaga manusia dan diikuti dengan teknologi yang tinggi. Saya berharap sikap kaum belia yang gemarkan pekerjaan "kolar putih" sahaja dapat diubah di dalam keadaan ekonomi sekarang. Kemelesetan ekonomi juga telah menyebabkan banyak pengangguran. Oleh sebab itu, kita lihat belia-belia kita sudah ada tanda-tanda mahu berjinak-jinak dengan bumi atau tanah kerana pekerjaan kolar putih sudah sukar diperolehi. Mereka juga sedar bahawa berbudi dengan tanah itu boleh dapat hasil yang lumayan. Kesedaran ini timbul setelah perut menjerit-jerit minta diisi dan wang dalam saku tidak ada, justeru itu sikap memilih pekerjaan pun mula berubah. Terpulanglah kepada Kerajaan atau Kementerian Pertanian untuk mencorakkannya sekarang, kerana sekarang adalah peluang yang baik untuk menggembelinkan tenaga penganggur-penganggur dan belia-belia kita untuk menjadi petani yang berjaya. Kita tidak perlu lagi mengimport buah-buahan, sayur-sayuran dan lain-lain lagi dari negara jiran.

Saya mengalu-alukan kenyataan pihak MARDI yang mahu membuat penyelidikan tentang buah-buahan setelah banyak memberi tumpuan kepada pemerosesan makanan. Kita berharap nanti Kementerian Pertanian dengan kerjasama MARDI dapat menghasilkan sumber makanan yang sebanding mutunya dengan negara jiran. Kalau boleh biar mutu hasil tanaman kita jadi sanjungan negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Pertanian kerana berjaya memperkenalkan minuman air kelapa muda di hotel-hotel besar dan ditepi-tepi jalan. Kalau dahulu kelapa muda dibiarkan tua tidak berharga tetapi sekarang kelapa muda tinggi harganya dan pekebun-pekebun kelapa senyum gembira.

Saya ingin mencadangkan sejenis lagi minuman yang patut diperkenalkan di hotel-hotel besar dan ditepi-tepi jalan iaitu nira kola atau air nira nipah yang jauh lebih lazat dari air kelapa muda. Minuman ini ada dijual di Pekan Yan, Kedah dan kalau tidak salah saya di salah sebuah hotel di Sungai Petani. Kalau ini dapat diperkenalkan akan memberi sumber kewangan kepada mereka yang tinggal di kawasan hutan-hutan nipah.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh B.21 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya difahamkan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bertanggungjawab di atas pembinaan Perpustakaan-perpustakaan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, Kedah sangat-sangat memerlukan sebuah bangunan Perpustakaan Awam. Pada masa ini Perpustakaan Awam Negeri Kedah sedang menyewa sebuah bangunan di Bulatan Wan Jah. Bangunan ini tidak dapat berfungsi dengan sepenuhnya. Untuk makluman pihak yang berkenaan, Kerajaan Negeri Kedah telah meluluskan sekeping tanah di Jalan Kolam Air untuk bangunan Perpustakaan Awam ini.

Saya telah diberitahu bahawa peruntukan untuk mendirikan sebuah Perpustakaan Awam telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga tetapi oleh sebab keadaan ekonomi pada masa itu peruntukan itu telah ditangguhkan tetapi saya berasa kesal sekali peruntukan untuk mendirikan sebuah Perpustakaan Awam di Kedah tidak dimasukkan ke dalam peruntukan Rancangan Malaysia Kelima.

Saya merayu kepada pihak berkuasa agar sebuah Perpustakaan Awam dapat didirikan di Negeri Kedah memandangkan negeri jiran kami Perlis telah dapat sebuah Perpustakaan Awam. Perpustakaan Awam Negeri Kedah mempunyai ahli yang ramai iaitu sudah wajarlah sebuah bangunan didirikan untuk memastikan minat membaca dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa berkaitan dengan usaha Kerajaan melancarkan gerakan membaca.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dengar seorang ahli sukan negara kita terlibat dengan rasuah. Jadi saya ingin menarik perhatian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya mencari punca terlibatnya ahli sukan itu dengan rasuah. Saya ingin tahu, apakah bentuk layanan atau ganjaran yang diberi kepada ahli-ahli sukan yang memperhambakan diri untuk meninggikan taraf sukan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli sukan terpaksa membuat latihan yang insentif meninggalkan kerja dan tanggungjawab rumah tangga. Perut perlu diisi, perut keluarganya juga perlu diisi, dari itu kita berharap ahli-ahli sukan yang mewakili negara kita hendaklah diberi layanan dan ganjaran yang sewajarnya supaya dapat terhindar dari perkara-perkara rasuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Nurul Huda Abdullah adalah seorang ahli renang terkemuka di negara kita. Kalau tidak salah saya beliau bukan seorang Islam, tetapi memakai nama Islam. Saya ingin memberikan sedikit pandangan dalam hal ini, oleh sebab beliau bukan seorang Islam boleh memberi gambaran yang tidak sehat apabila beliau mewakili dengan nama Islamnya tadi. Maksud saya Nurul Huda boleh melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan agama Islam di

negara luar seperti memakan barang-barang haram atau pergi ke gereja bersama-sama ibunya. Ini boleh menjejaskan imej negara kita sebagai sebuah negara Islam. Kita tidak mahu berasa megah kerana nama Islamnya sahaja dalam dunia sukan tetapi implikasi sebaliknya perlu juga dikaji, biarlah beliau menggunakan nama asalnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh B.7 - Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin mengalih perhatian kepada B.7. Tumpuan saya adalah kepada Bahagian Hal Ehwal Wanita - YADIM, atau Yayasan Dakwah Islam Malaysia yang mana baru-baru ini satu nadwah wanita Islam telah dijalankan dengan jayanya. Semua pertubuhan-pertubuhan wanita telah dijemput untuk bersama-sama melahirkan pendapat dan buah fikiran bagi faedah masyarakat Islam.

Kita amat berbangga di atas usaha-usaha yang dirancang dan dilaksanakan oleh YADIM khususnya Bahagian Hal Ehwal Wanita yang memberi tumpua atau sasaran kepada kaum wanita dan kanak-kanak. Memang tepat sekali kerana kaum wanita adalah punca pendidikan yang berkesan ke arah pembentukan jenerasi masa hadapan yang benar-benar faham pengajaran agama Islam yang maha suci ini.

Dari itu saya berharap kepada Kerajaan agar peruntukan yang lebih tepat, yang lebih dapat diberi kepada YADIM dan juga Bahagian Hal Ehwal Wanita - YADIM untuk mernperluaskan usaha dan rancangannya yang tepat kepada sasarannya. Saya yakin jika peruntukan yang cukup diberi akan dapat dalam jangka masa yang panjang menyelesaikan masalah-masalah yang ada hubung kaitnya dengan penghayatan ajaran agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kepada Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri yang mengeluarkan buku-buku agama dengan harga yang mahal. Saya rasa hanya mereka yang mampu dapat membelinya. Dari itu saya ingin mencadangkan supaya Jabatan Perdana Menteri dapat mengeluarkan buku-buku dengan harga yang lebih murah supaya setiap lapisan rakyat dapat membeli dan menghayati ajaran agama Islam. Kita tidak perlu menggunakan kertas-kertas yang bermutu tinggi, kerana dalam zaman ekonomi meleset ini, isi kandungan atau kualitinya yang diperlukan, bukan rupa paras buku itu.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perdana Menteri hendaklah mengawal buku-buku agama yang begitu banyak di pasaran sebelum suatu buku agama masuk ke pasaran ia hendaklah ditapis oleh Bahagian Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri terlebih dahulu dan diberi tanda kelulusan supaya pembaca yang ingin mendalami bahagian agama tidak terkeliru apabila membeli buku-buku berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada B.49 Kementerian Pengangkutan. KTM adalah sejenis pengangkutan yang selesa dan selamat. Saya lihat pelanggan-pelanggan yang menggunakan KTM meningkat dari semasa ke semasa terutama sekali dalam musim cuti. Saya tidak faham mengapa Keretapi Tanah Melayu dikatakan rugi setiap tahun, kerana saya lihat ramai yang menggunakan kemudahan KTM. Saya ingin memberi sedikit pandangan berhubung dengan KTM ini kerana saya selalu menggunakan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu.

Keluhan yang saya sering dengar dari setengah-setengah pengguna perkhidmatan KTM ialah apabila alat perakam video rosak, bila tidak ada siaran TV pelanggan jemu duduk berjam-jam tanpa sesuatu hiburan. Dari itu sebelum KTM memulakan perkhidmatannya pastikan dahulu alat-alat seperti keset dan lain-lainnya berada dalam keadaan yang baik dan boleh berfungsi. Ini mungkin kelalaian dari setengah-setengah kakitangan KTM. Juruacara yang mengumumkan ketibaan di sesuatu tempat juga eloklah diberi tugas kepada mereka yang mempunyai suara yang merdu dan enak didengar, janganlah ditugaskan kepada kakitangan yang sebutan Bahasa Malaysianya payah hendak difaham. Kita kena berfikir secara commercial walaupun KTM adalah kepunyaan Kerajaan. Kita mahu memberi perkhidmatan yang baik kepada pelanggan-pelanggankita.

Kita hendaklah sentiasa berusaha agar perkhidmatan KTM dapat sambutan dari segenap lapisan rakyat. Satu lagi perkara yang menjadi bualan pelanggan-pelanggan KTM adalah sering berlaku nombor tiket yang sama diberi kepada dua orang pelanggan. Lalu berlakulah perkara-perkara yang kurang senang. Saya berharap kejadian-kejadian sedemikian dapat dielakkan oleh KTM.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa malu dan amat kurang senang dengan lampu kawalan had laju yang kelihatan berkelip-kelip disepanjang jalan seolah-olah menunjukkan kepada kita bahawa ini adalah satu contoh pelaksanaan yang dilakukan tanpa perancangan yang teliti. Kementerian ini patutlah buat sesuatu sebelum lampu kawalan had laju ini menjadi bahan ketawa orang ramai. Kalau pegawai penguatkuasaan JPJ tidak mencukupi, lampu kawalan had laju itu tidak perlu diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi penutupnya, kita tahu Kerajaan terpaksa berjimat cermat dalam keadaan ekonomi meleset ini, bahkan ini adalah satu amalan yang dituntut oleh agama Islam, dan sepatutnya Kerajaan mengamalkannya dari dahulu lagi. Saya rasa kelembapan ekonomi negara kita pada tahap ini merupakan, dengan izin, blessing in disguise, saya berpandangan sedemikian kerana ekonomi yang lembap ini memberi satu kesedaran kepada Kerajaan dan rakyat negara ini agar berjimat cermat.

Saya berharap usaha berjimat cermat Kerajaan ini dapat sampai kepada kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan yang setiap hari diamanahkan dengan barang-barang dan harta-harta Kerajaan. Kita amat kesal melihat pembaziran dan kerosakan harta-harta dan barang-barang Kerajaan semata-mata kerana tidak ada rasa amanah, tanggungjawab atau sayang kepada harta-harta Kerajaan oleh setengah-setengah kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua-ketua Jabatan hendaklah diberi kuasa untuk memberi amaran atau mengambil tindakan yang sewajarnya kepada kakitangan Kerajaan yang membazir dan merosakkan harta-harta atau barang-barang Kerajaan. Dengan ini dapat menjimatkan perbelanjaan urusan Kerajaan yang berjuta-juta ringgit itu.

Kerajaan juga mahu mempertingkatkan produktiviti. Produktiviti sektor pertanian, produktiviti sektor pembuatan dan lain-lain. Saya rasa produktiviti kakitangan Kerajaan juga perlu dipertingkatkan. Adakah produktiviti kerja mereka telah meningkat dari dahulu sebelum arahan Kad Perakam Waktu dilaksanakan? Kita masih mendengar rungutan orang ramai untuk mendapatkan sesuatu tindakan daripada Jabatan Kerajaan, rakyat perlu tunggu sehingga berminggu-minggu atau berbulan-bulan. Ini kita masih ada pada tahap lama walaupun slogan "bersih, cekap dan amanah" terpampang di setiap Jabatan Kerajaan.

Tidaklah berguna Kerajaan menambahkan kakitangan Kerajaan dalam keadaan ekonomi meleset sekarang, lebih baik dipertingkatkan produktiviti mereka. Dengan cara melantik satu Jawatankuasa atau memberi kuasa kepada Pegawai-pegawai Division I untuk melancarkan 'suprise check', dengan izin, bagi mengawasi produktiviti kakitangan Kerajaan dan mengawal pembaziran yang berlaku di setengah-setengah jabatan Kerajaan,

Selain dari itu Kerajaan juga menggalakkan pelabur-pelabur dari luar negeri datang melabur di negara kita, tetapi produktiviti setengah-setengah pegawai Kerajaan memberi gambaran yang tidak baik kepada pelabur-pelabur yang datang melabur ke negara kita kerana untuk mendapat tindakan untuk sesuatu urusan mereka perlu menunggu

berbulan-bulan lamanya.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Akta ini diluluskan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Ahmad.

4.52 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengambil bahagian di dalam membahaskan Akta Perbekalan 1987 yang dibentangkan. Di samping menyokong Akta ini, saya suka mengambil bahagian menyatakan bahawa peruntukan 1987 ini adalah satu peruntukan yang ideal, walaupun di dalam keadaan masa negara, bahkan dunia sedang dilanda kemerosotan ekonomi. Sungguhpun begitu, peruntukan yang dibentangkan bagi tahun 1987 ini sejajar dan sesuai dengan janji yang telah diutarakan oleh pihak Kerajaan kepada rakyat di dalam Pilihanraya Umum yang lalu bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini akan melahirkan sebuah negara yang stabil dan akan memberi kebahagiaan kepada rakyat.

Justru itulah, maka peruntukan Belanjawan 1987 ini telah diletakkan dengan begitu tepat memberi peruntukan-peruntukan yang besar kepada bidang pelajaran, bidang pertahanan, bidang pertanian, bidang kesihatan dan bidang kerjaraya, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Ini terbukti bahawa Kerajaan sudahpun menunaikan janjinya kepada rakyat, nyata melalui peruntukan Belanjawan 1987 ini,

Di dalam peruntukan ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Dewan Negara ini tidak diperuntukkan kepada perbahasan di peringkat

Jawatankuasa di dalam membentangkan Akta peruntukan ini, maka demikianlah rakan-rakan saya, termasuk saya juga, akan terus menyentuh bukan sahaja kepada perbahasan secara am, pada dasarnya, tetapi terus menyentuh kepada setiap Kepala yang terkandung di dalam Akta ini.

Saya menarik perhatian kepada B.1 peruntukan Parlimen. Pertama sekali melalui ruangan ini, saya pohon kepada pihak yang berkenaan agar Parlimen kita nanti di masa hadapan tidak bersidang serentah di antara kedua-dua Majlis tertinggi di negara ini, di antara Dewan Rakyat dan Dewan Negara seperti yang telah berlaku beberapa hari yang lalu.

Kedua, saya mohon satu penyusunan semula oleh pihak Kerajaan dalam jadual waktu mengadakan persidangan ini, terutama pada hari Jumaat. Sebagaimana yang telah dimaktubkan, hari Jumaat Dewan ini akan bersidang bermula pada pukul 3.00 petang dan tamat pada jam 7.00 malam. Saya kira ada baiknya jika waktu ini dipinda di dalam Peraturan Mesyuarat Dewan nanti, supaya persidangan dimulakan jam 3.00 petang dan ditangguhkan pada jam 6.30 seperti biasa.

Menyentuh di dalam peruntukan Parlimen dan kebetulan letaknya B.I, ini terang, jelas, nyata kepada setiap masyarakat, kepada setiap orang yang tidak buta mata hatinya, bahawa negara ini mengamalkan dasar demokrasi. Tanpa adanya dasar demokrasi di negara ini, maka tidak akan wujud peruntukan B.I kepada Parlimen. Hasil daripada mengamalkan dasar demokrasi inilah peruntukan ini diwujudkan supaya kedua-dua Dewan ini diadakan, sama ada Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara, dan Ahli-ahli yang akan duduk di dalam Dewan Rakyat khususnya adalah Ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat negeri ini, di atas landasan demokrasi, mewakilkan mereka, menduduki di dalam Dewan itu untuk menjalankan fungsi-fungsi sebagai Wakil Rakyat di dalam

Dewan itu bagi melahirkan undang-undang yang diperdaulatkan untuk dihormati oleh seluruh rakyat jelata, bagi menjamin keteguhan dan kestabilan negara serta keamanan negara ini.

Maka dengan sebab itulah keputusan yang telah dibuat oleh rakyat, keputusan majoriti yang menjadi teras di dalam konsep demokrasi ini mesti diterima, mesti dihormati oleh semua golongan rakyat di negara ini, melainkan kepada sesiapa yang tidak ingin dasar demokrasi ini dilaksanakan di negara kita ini. Oleh kerana rakyat sudah pun membuat keputusan, Kerajaan sudah dipilih, amanah sudah diberi, maka semua orang, seluruh rakyat, apatah lagi Ahli-ahli Dewan itu sendiri hendaklah menyedari, memahami, mengerti tanggungjawabnya terhadap keputusan yang telah dibuat oleh rakyat. Di dalam negara yang mengamalkan demokrasi sering tidak dapat mengelakkan diri, rakyat akan memutuskan ada golongan Kerajaan dan ada pula golongan Pembangkang. Rakyat berharap memilih Kerajaan untuk melahirkan Kerajaan sebagaimana yang dikehendaki oleh mereka, mengadakan Pembangkang untuk menjalankan tugas-tugas bagi membantu Kerajaan yang dipilih oleh mereka, menegur apa yang patut ditegur dengan idea. Dengan kata lain, menegur dengan cara membina, yang buruk hendaklah dikata buruk, tetapi yang baik hendaklah diakui baik. Itulah konsep, itulah apa yang dikehendaki oleh demokrasi dan inilah yang difahami oleh rakyat yang memilih para Ahli-ahli Pembangkang.

Sayangnya, Tuan Yang di-Pertua, di akhir-akhir ini bahkan di dalam beberapa hari yang lalu ternyata penghormatan dan kesucian Dewan Rakyat sudah mula dinodai, sudah mula dicemari, terutama oleh parti-parti pembangkang yang seolah-olah tidak mengerti untuk

menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat kepadanya, sehingga di dalam Dewan yang begini mulia ada di antara Ahli-ahli yang mengeluarkan perkataan-perkataan yang kesat, perkataan-perkataan yang jijik, perkataan-perkataan yang dengan kata lain, mohon maaf, lebih hina daripada perkataan bahasa beca, dan melakukan telatah-telatah yang lebih hina daripada perangai tadi.

Ini menunjukkan bahawa sudah ada gejala-gejala di dalam negara kita ini sama ada disedari atau tidak disedari telah diserapi oleh anasir-anasir yang cuba hendak menghancurkan demokrasi yang ada di negara kita ini. Saya geli hati semalam melihat ada Ahli-ahli Parlimen pakai tanda mati, diletakkan di lengan pakai tanda putih.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah awak terasa negara ini sudah mematkan demokrasi, apakah awak sedar bahawasanya awak masih berada di dalam negara ini. Apakah awak sudah membuat pengakuan bahawa awak adalah wakil-wakil yang sudah mati dan silapnya rakyat memilih awak sebagai orang yang sudah mati, yang sudah menjadi bangkai, apakah di atas landasan bangkai ini yang akan membawa busuk di dalam Dewan yang mulia ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap telatah-telatah yang seperti ini, terutama kepada pihak yang berkenaan, benar-benar dapat menjaga agar kemuliaan Dewan, khususnya Dewan Rakyat dipelihara dengan erti kata yang sebenar. Malangnya, sekarang saya sempat melihat apa yang berlaku dalam Dewan, ada kalanya tergambar lebih buruk daripada keadaan simpang-siur yang berlaku di kawasan Chow Kit Road dengan telatah-telatah, saya tidak akan kata biadap, tetapi keadaan-keadaan yang bermakna demikian. Sudahlah kemuliaan Dewan tidak dihormati, hak-hak Yang di-Pertua Dewan juga tidak dihormati, bahkan bertengkar dengan Tuan Yang di-Pertua. Ini memalukan! ya, mungkin akan dikatakan oleh setengah-setengah orang, ada negara-negara lain yang lebih teruk daripada negara kita. Di dalam Parlimen pun ada sampai baling-membaling, ada sampai bertumbuk. Mengapa soal negara lain yang hendak dipertimbangkan di negara kita, bukan bererti semua yang baik di tempat lain, baik pada kita dan bukan bererti apa yang tidak baik di tempat kita juga akan tidak baik di tempat orang lain.

Kita berbeda. Walaupun ada negara-negara demokrasi di tempat lain, kita berbeda. Kita ala kita.

Tuan Yang di-Pertua, soal demokrasi tidak ada batasnya, Komunis juga mengamalkan dasar demokrasi ala mereka, socialist country juga mengamalkan dasar demokrasi ala mereka. Tetapi adakah demokrasi yang dikehendaki di Malaysia ini sampai orang boleh tidur di atas rel keretapi? Apakah demokrasi ini harus menimbangkan kehendak seseorang sehingga membawa akibat kepada yang lain kerana seorang yang tidur di atas jalan keretapi, beratus-ratus orang penumpang di atas keretapi menghadapi masalah? Apakah itu demokrasi yang dikehendaki oleh orang-orang ini dan apakah sampai ke tahap itu barulah dimengertikan bahawa itulah yang dikatakan demokrasi. Saya tidak tahu apakah kelemahan-kelemahan yang ada di dalam demokrasi kita ini sehingga orang-orang yang seperti ini boleh dibiarkan berada di dalam Dewan yang mulia ini dan kalau kita dapati ini ada kelemahan-kelemahannya saya berharap bagi pihak Kerajaan tolonglah perbetulkan agar Dewan yang mula dicemar ini tidak akan terus-menerus dicemari oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab ini. Malangnya, telatah-telatah ini tidak dapat digambarkan kepada orang ramai. Untungnya ada mass media, saya berharap bagi pihak mass media dapat menjadi perantaraan, setidak-tidaknya dapat diketahui oleh orang-orang yang memilih mereka, telatah-telatah wakil rakyat mereka, bagaimana. Bukan sikap hero yang ditunjukkannya, tetapi sikap kegilaan.

Walau bagaimanapun, saya pohon kepada Kerajaan, lepas ini Kerajaan akan menjawab apa yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Saya harap Kerajaan bukan hanya menjawab sekadar untuk menjawab apa yang dibangkitkan. Satu jaminan daripada

Kerajaan sebagaimana yang dikehendaki oleh rakyat memilih Kerajaan ini yang telah dijamin dan berjanji untuk melahirkan sebuah Kerajaan yang stabil bagi kesejahteraan rakyat. Saya hendak supaya pihak Kerajaan menjawab sebagai jaminan bahawa di Dewan yang mulia ini sama ada di Dewan Rakyat khususnya, tidak lagi akan dicemari, apatah lagi dinodai oleh orang-orang yang tidak sopan, kerana bukan di Dewan Rakyat ini tempat orang-orang yang tidak bersopan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam B.6, saya tertarik kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Rata-rata kita dengar soal ramainya anak-anak muda kita menganggur, golongan-golongan yang graduate pun menganggur, tidak ada kerja. Entah-entah di dalam itu kita dengar pula Jabatan ini melantik semula guru-guru yang sudah pencen. Kalau rasa hendak pakai lagi, jangan beri dia pencen, kalau sudah sampai had dia diberi pencen, pencenkanlah dia. Ambil-lah budak-budak baru yang tidak ada kerja, yang baru keluar dari universiti. Kalau kerana Bahasa Pengantar Bahasa Melayu, ambil yang keluar daripada Universiti Kebangsaan ataupun lain-lain Universiti Tempatan. Mereka berkemampuan untuk mengajar Bahasa Melayu, hatta kalau Bahasa Inggeris sekalipun, saya rasa tidak kurang, boleh diambil anak-anak yang baru keluar dari Universiti ini untuk menjadi guru Bahasa. Saya pun pernah jadi guru. Saya pun mula-mula jadi guru tidak tahu hendak mengajar, tetapi kalau tidak tahu hendak mengajar boleh adakan kursus latihan di hujung minggu, di hari cuti, sebagaimana yang Kementerian telahpun jalankan sekarang. Saya berharap supaya keadaan ini tidak menjadi satu persoalan kepada orang ramai, terutama di dalam keadaan situasi sekarang ini, rakyat kita ramai menganggur, kalau sudah menganggur berilah peluang. Mungkin tidak ada sebuah negara dalam dunia ini

yang dapat memberi segala-segala kepada setiap rakyatnya, tetapi setidak-tidaknya boleh mengurangkan angka-angka yang dibentangkan dalam bidang pengangguran ini.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kepada perkhidmatan Bomba, kecil sahaja. Sering kita terdengar kebakaran di sana, kebakaran di sini, dan ini membawa akibat pengorbanan nyawa, harta benda. Kita akui kecekapan pasukan Bomba yang ada dalam negara kita ini. Cuma saya ingin menarik perhatian kerana saya daripada Rantau Panjang, Kelantan, saya rasa, di Rantau Panjang ini sudah 6 kali masuk 7 kali dengan baru-baru ini terjadi kebakaran, tetapi masih belum dapat lagi peruntukan untuk melengkapkan pasukan bomba ini. Ada saya dengar baru-baru ini bagi pihak Majlis Daerah memperuntukkan sebuah rumah kedai untuk dijadikan tempat bomba.

Saya rasa bukan soal rumah, tetapi di dalam soal perlaksanaannya. Kita malu, benarlh kita kata kita ada hubungan baik, sikap kekeluargaan di antara Malaysia dengan Thailand, sebab itulah setiap kali kebakaran di Rantau Panjang, bomba daripada Thailand datang menolong. Setiap kali, selama masa. Berapa lama? Ada kebakaran di Rantau Panjang - bomba Thailand datang tolong, kerana ini sikap harmoni di antara dua negara yang berjiran. Kebakaran di Golok pula bagaimana? Kita tidak pergi menolong? Apakah kerana kita tidak menghormati keharmonian ini? Bukan soal tidak menghormati. Kita tidak ada.

Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, iaitu soal pertanian. Sudah ramai orang lain sebut pertanian. Tetapi oleh kerana negara ini merupakan negara pertanian, sesuaih dengan peruntukan Kerajaan pun tidak kecil kepada pertanian. Saya hendak menarik sedikit sahaja, iaitu soal nyata. Dua tahun yang lalu semasa pemulihan tanah terbiar di dalam satu kawasan di Kelantan, namanya Kampung Serangga iaitu satu kawasan yang tidak dibuat padi sejak 20 tahun yang lalu. Dan dua tahun yang lalu pihak Kementerian Pertanian telah mengarahkan Persatuan Peladang memulihkan tanah terbiar ini. Maka dipulihkanlah lebih kurang dalam 800 ekar. Persatuan Peladang pun buat, padi pun ditanam, mengeluarkan hasil yang baik. Tetapi tidak seimbang kosnya, perbelanjaannya kerana pegawai-pegawainya tidaklah setaraf gaji petani-petani yang ada. Maka sebab itulah walaupun hasilnya baik, kosnya tinggi, maka jadilah keputusan projek itu tidak viable. Akibat yang demikian, projek itu pun setelah dibuat setahun, ditinggalkan. Segala jentera-jentera airnya ditalik

balik. Pada mula-mulanya untuk memulakan tanah terbiar ini, untuk memulihkannya, kita mengadakan berbagai-bagai upacara untuk menunjukkan kesungguhan Kerajaan bagi menolong rakyat memulihkan tanah ini. Tidak padan dengan harga upacara itu. Sudah lepas setahun, maka tinggallah keadaan itu sekarang terbiar balik. Jentera airnya pun dibawa balik. Maka sekarang baliklah semula tanah terbiar ini dengan nama "tanah terbiar baru".

Kementerian Pertahanan - B. 25. Kita akui kemampuan Pasukan Pertahanan kita, insya Allah dapat mempertahankan kedaulatan negara ini. Kita akui semangat yang ada pada perajurit kita. Kita akui kesungguhan dan kerelaan yang ada pada perajurit kita. Cuma satu yang saya hendak bangkitkan. Ada orang kata, missile yang dipunyai oleh Kerajaan Singapura sedang menghala ke arah Malaysia. Jarak terdekatnya, kalau dipetik suisnya, setidaknya ia akan sampai ke Melaka. Kita tidak hendak campur soal negeri orang lain, cuma yang kita bimbangkan, bagaimana kalau missile negeri orang lain itu jatuh ke negeri kita? Kita tidak mahu melahirkan curiga kepada orang lain. Tetapi berwaspada, berhati-hati, meletakkan persediaan adalah merupakan perkara mutlak terutama kepada perajurit-perajurit kita. Dengan kata lain, kepada Kementerian Pertahanan Negara ini. Apakah kita sudah bersedia? Bagaimana kalau esoknya missile Singapura ini benar sebagaimana kata orang, disuiskan ke Semananjung ini atau ke Sabah dan Sarawak? Apakab kita sudah bersedia menjadikan Melaka sebagai mangsa pertama? Atau adakah kata-kata orang ini tidak benar? Cuma kata-kata sahaja. Tetapi kononnya ada orang nampak. Apakah yang orang nampak inipun tidak betul? Atau apakah perkara ini tidak ada dalam pengetahuai pihak Kerajaan kita? Saya harap dalam masalah ini juga akan diambil perhatian oleh pihak Kerajaan.

Kementerian Pelajaran - heboh dan hebatnya dengan Dasar Ko-kurikulum. Pelajaran meningkat, kesukanan meningkat. Sejauh mana pelaksanaan itu dilaksanakan yang penting. Bukan dasar yang tercatat di atas kertas itu penting, tetapi pelaksanaannya. Memang saya akui sejak ke kurikulum baru ini dilaksanakan, keadaannya sudah berubah. Pagi budak-budak ke sekolah, petang pun budak-budak ke sekolah. Tetapi sejauh mana pelaksanaannya dengan erti kata yang sebenar untuk melaksanakan konsep ko-kurikulum ini? Contohnya, dekat rumah saya pun ada sekolah. Saya lihat seorang guru itu sahajalah. Walhal di sekolah itu berpuluh-puluh guru. Kalau datang waktu petang untuk melaksanakan dasar ko-kurikulum ini, guru itu sahajalah. Apakah Dasar Ko-kurikulum ini hanya indah dan baik dihasil di atas kertas sahaja tetapi pada pelaksanaannya bagaimana?

Saya tidak hendak menyentuh di dalam soal disiplin yang ada di sekolah, kerana telah ramai menyentuh. Tetapi tolonglah akui bahawasanya soal disiplin di sekolah-sekolah hari ini sudah menyampai kepada tahap yang serius. Anak-anak ini akan lahir sebagai generasi yang akan menyambung. Bukan sahaja dengan soal dadahnya, tetapi banyak lagi perkara-perkara lain yang seharusnya tidak berlaku kepada peringkat persekolahan. Saya dukacita apakala mendengar jawapan daripada pihak Menteri kononnya disiplin sekarang ini masih belum serius. Hendak tunggu macam mana? Mengikut hemah saya, membendung lebih baik daripada membanteras. Kalau sudah berlaku, kemudian baru hendak banteras, lihatlah apa yang berlaku dengan dadah. Sudah berlaku baru hendak dipulihkan. Sudah dipulihkan beria-ia, bukan main lagi, "Ini orang yang sudah keluar daripada pemulihan dadah. Di harap masyarakat terima". Keluar tidak

berapa hari dia lantak semula. Sebab itu saya pohon sekali lagi akuilah dan kalau hendak diadakan peraturan-peraturan, saya menyokong apa yang diutarakan oleh Menteri Pelajaran kita, saudara Anwar Ibrahim. Hendak diadakan hukuman rotan, saya menyokong. Walaupun ada beberapa kerat yang kata jangan, takut itu, takut ini. Kita terlampau banyak takutnya. Terlampau banyak andaiannya, takut jadi itu, takut jadi ini. Andaian itu andaian ini. Saya bimbang sedikit lagi ada orang akan mengatakan, "Andainya langit runtuh, habis kita". Sudah tiada andaian lagi. Jalankan. Jika Kementerian Pelajaran bersedia mengadakan borang untuk menyerahkan anak-anak, anak saya pun ada di sekolah, saya bersedia menjadi bapak untuk menyerahkan anak saya, rotanlah apakala melakukan kesalahan, demi untuk melahirkan generasi yang berguna dan baik pada negara di masa depan. Apa takut, amanah dan kuasa telah diberi rakyat, buat untuk kepentingan rakyat. Kalau ada dua tiga orang yang cuba hendak melahirkan tidak bersetuju, apa pedulikan dia? Apakah kita hendak pandang pendapat dua tiga orang hendak membiarkan amanah rakyat yang berjuta?

Kalau begini saya takut nanti satu hari orang akan menuduh Kerajaan kita mula lemah, hendak buat Akta pun bimbang-bimbang. Dengar satu dua orang cakap sudah gelabah. Saya fikir tidak patut begitu. Apa lagi amanah yang lebih besar diberi kepada Kerajaan melainkan amanah rakyat. Kuasa daripada rakyat - jalankan. Kalau hendak adakan hukuman rotan, rotan! Mengapa rotan? Untuk menjamin kelahiran generasi masa depan Malaysia yang baik dan memberi manfaat kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengajar anak cara manja pun baik. Kalau umur dua tiga tahun anak makan hingus tidak apa. Kalau sudah umur 25 tahun anak masih makan hingus hendak cari menantu pun susah. Sama juga dalam masalah negara.

Tuan Yang di-Pertua, B.27 - Kementerian Luar Negeri, Baru-baru ini ada berlaku berbagai-bagai terutama lawatan Presiden Israel, Presiden Yahudi ke Singapura. Saya terbaca dalam satu newspaper Singapura ada wakil-wakil rakyat Singapura menyatakan kepada kita, "Tidak patut Malaysia mencampuri soal Singapura kerana ini soal kedaulatan Singapura. Malaysia fikirkan sahajalah soal Malaysia." Saya setuju! Kalau soal Singapura jangan orang Malaysia fikirkan soal Singapura. Saya setuju. Tetapi yang anehnya hal apa yang berlaku di Singapura kita tidak boleh campur tetapi orang Singapura tidak ada air kita kena tolong, jangan beri dia lapar, jangan beri dia haus. Ini di atas dasar perikemanusiaan, ini di atas dasar kejiranan. Jadi, sebelah kita sahaja kena menghormati dasar perikemanusiaan, di atas dasar, dengan izin, "human being", di atas dasar kejiranan, dengan izin, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kononnya "brotherhood". Jadi, kita sahaja, dia bagaimana?

Kalau sudah Kementerian Luar Negeri juga memahami, Singapura kata jangan fikir, jangan campur soal Singapura, saya minta kita

jangan fikir soal Singapura. Kalau Singapura bebas apa yang dia hendak buat, buatlah, kita pun tidak usah fikirkan. Kalau timbul masalah macam mana kurang air di Singapura - minta maaf kita tidak boleh campur. Saya bukan hendak saruh Kerajaan kita bermusuh dengan Singapura, tidak. Saya tidak hendak supaya kita bermusuh dengan rakyat Singapura, tidak. Kita telah menunjukkan demikian perasaan perikemanusiaan kita. Kita tidak rela rakyat di Singapura mati kehausan. Kita rela membiarkan air kita mengalir ke Singapura. Kita tidak rela rakyat Singapura berpapa kedana, kita membiar membuka peluang rakyat kita mencurah ekonomi ke Singapura. Kita sahaja. Mereka bagaimana? Saya harap ini juga diambil perhatian oleh Kerajaan.

Jabatan Hasil Dalam Negeri. Kita sekarang tidak ada duit, income tax banyak orang tidak bayar. Setengah-setengahnya yang tidak bayar income tax terus kena saman. Saya hendak tarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, di Pulau Pinang banyak sungguh peniaga penukar wang, dengan izin, "money changers" banyak sungguh. Saya pernah buat tinjauan dalam dua tahun yang lalu, saya kira tidak kurang \$1 juta pada satu hari daripada beberapa kaunter yang tidak berlesen. Lesennya tidak kena bayar, income taxnya tidak kena bayar, duit kita dibawa keluar. Saya harap ini dapat menjadi perhatian kepada pihak Kerajaan.

Sehubungan dengan ini juga kepada Perbendaharaan kita kerana kita sudah kurang wang sekarang ini, hendak cap duit macam duit Jepun dulu kita sudah tahu akibatnya; kita kena cari.

Saya tidak sentimen terhadap Singapura. Semasa saya dalam Tourist Development Corporation (TDC) dulu, pernah kita buat satu agihan, rakyat Malaysia sahaja yang ke Singapura berulang alik tidak kurang daripada satu juta orang setahun. Ini berapa tahun dulu. Tidak kurang daripada satu juta orang. Saya rasa apa salahnya setiap

orang Malaysia yang hendak masuk ke Singapura, kita kenakan bayaran \$50, kalau sejuta Kerajaan kita sudah pungut \$50 juta dalam setahun. \$50 juta sudah banyak Jabatan boleh ditampung, hatta peruntukan Parlimen pun baru \$14 juta. Hasil daripada orang Malaysiayang hendak berjoli ke Singapura pun sudah boleh mengatasi peruntukkan B.I.

Saya kira kita bukan hendak bermusuh dengan Singapura. Siapa yang hendak keluar berjoli ke Singapura kena bayar \$50.00. Kalau sudah hendak berjoli takkan tidak hendak bayar \$50.00. Kalau sayang \$50.00 tidak usah pergi. Itu kalau sejuta. Kalau 5 juta sudah \$250 juta yang dapat kita pungut hasil daripada penjoli-penjoli daripada Malaysia yang hendak mencurahkan wang ke Singapura.

Saya tidak minta hendak suruh kena orang Singapura masuk ke Malaysia, masuklah free pun. Cuma yang saya sebut ini daripada sini ke sana. Yang Singapura hendak masuk ke Malaysia kerana kita tidak bermusuh dengan rakyatnya, silakan. Tidak usah kenakan apa-apa bayaran.

Saya sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengharapkan supaya Kerajaan kita bersungguh-sungguh mengambil tindakan. Oleh kerana sesuai dengan penggalakan perkembangan tourist industry di dalam negara kita ini, saya sentuhlah sedikit di dalam perkara B.50 - Jabatan Penerbangan Awam. Memang diakui banyak orang yang pernah saya dengar komen daripada mereka sama ada dalam negara ataupun luar negara hatta di Amerika Syarikat atau di Eropah atau di Timur Tengah mereka mengakui bahawa penerbangan MAS kita ialah penerbangan yang baik, perkhidmatan yang baik. Itu penerbangan MAS. Menyentuh kepada Jabatan Penerbangan Awam, lapangan terbang kita pun tidak kurang baiknya sejajar dengan MAS kita yang baik. Jabatan Penerbangan Awam kita pun baik, cantik, tambah-tambah dengan terminal yang baru.

Cuma satu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak Jabatan Penerbangan Awam dapat memperindahkan lagi lapangan terbang antara-bangsa kita khususnya di Subang terutamanya kepada penumpang-penumpang singgah dalam perjalanan, transit passengers, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Apakala singgah, berjalan daripada hujung terminal hendak sampai ke bilik menunggu mereka tengok cermin sahaja. Cermin itu pula cermin yang tidak nampak gambar dia balik. Tidak nampak apa-apa. Saya cadangkan, saya sedar sekarang sudah ada gambar-gambar yang dihiaskan di lapangan terbang ini untuk menggambarkan negeri Tuan Yang di-Pertua, Sabah; negeri Timbalan Yang di-Pertua, Sarawak; negeri saya, Kelantan. Itupun cantik. Tetapi saya kira lebih baik jika di dinding-dinding sepanjang terminal itu dihiaskan dengan gambar-gambar indah. Gambar-gambar sejarah kebangkitan bangsa Malaysia, gambar-gambar keharmonian bangsa Malaysia, rakyat Malaysia, gambar-gambar yang menunjukkan kestabilan negara dan kestabilan ekonomi negara Malaysia dihiaskan di dinding-dinding. Mudah-mudahan yang mereka singgah dalam perjalanan akan membuat mereka akan terus singgah menginap di dalam negara kita ini.

Itulah teguran akhir saya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah Akta Perbekalan 1987. Sekali lagi saya menyokong Akta ini, mudah-mudahan melalui Akta ini akan melegakan pandangan rakyat dan hasrat rakyat kepada Kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Wong Kie Yik.

5.30 ptg.

Tuan Wong Kie Yik: Terima kasih atas keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk turut sama membahas Belanjawan tahun 1987. Saya menyokong cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengurangkan perbelanjaan adalah langkah yang bijaksana dan wajar. Memandangkan hasil-hasil yang mungkin merosot, defisit yang besar kalaulah dibiarkan berlanjutan akan menjejaskan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk pembayaran gaji kakitangan Kerajaan adalah berat sekali. Walaupun kita bersetuju mengurangkan peruntukan sepertimana yang dicadangkan itu, perlu juga kita mengkaji dengan teliti untuk menentukan kumpulan manakah yang patut ditumpukan. Dalam pendapat saya, kadar faedah 4% untuk pinjaman perumahan dan kenderaan bagi kategori C dan D adalah sesuai dikekalkan oleh kerana pertambahan kadar ini akan menjejaskan kehidupan mereka. Saya mencadangkan sebagai gantinya, Kerajaan memotong 100% elaun-elaun entertainment dan perumahan untuk Kumpulan Tingkatan Tertinggi G ke atas. Peruntukan entertainment rasmi bolehlah dibagikan kepada pejabat-pejabat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menukar pencen kepada KWSP adalah dianggap sesuai untuk menyelesaikan beban peruntukan yang mungkin berlanjutan kepada tahap yang melebihi kemampuan negara. Walaupun kita sentiasa berterima kasih kepada mereka yang berkhidmat dengan taat setia dan cemerlang, kita perlu juga memandangkan kemampuan negara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengenang budi dan jasa mereka, saya mencadangkan Kerajaan mengadakan hadiah dua hektar tanah yang sudah dibangunkan oleh agensi-agensi Kerajaan. Dengan syarat ini mereka yang bersara boleh hidup dalam suasana kemegahan dan keselesaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyampaikan tahniah kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah kerana memperluaskan kegiatan agensi-agensi Persekutuan ke negeri Sarawak. Saya yakin bahawa FELDA dan FELCRA yang mempunyai kakitangan yang berpengalaman dan kemahiran boleh menjayakan pembangunan tanah di Sarawak. Saya merayu agensi-agensi tersebut dibagikan dengan peruntukan yang lumayan untuk kegiatan lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak ramai masyarakat tinggal berkelompok, kejauhan dan mengamalkan cara hidup yang serba primitif. Mereka ini perlulah dipindah dan ditempatkan semula dan tinggal beramai-ramai. Dengan sedemikian, kemudahan-kemudahan yang serba moden bolehlah dilengkapkan. Agensi-agensi Persekutuan yang saya sebutkan itu boleh mengadakan pembangunan yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang penuh cabaran, kita harus memberi perhatian kepada perpaduan antara rakyat jelata, lebih-lebih lagi antara pemimpin-pemimpin kita. Kalaulah wujudnya kacau-bilau, sudah tentu ianya akan menjejaskan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah untuk menyatupadukan rakyat dan menjamin suasana yang aman dan makmur. Kalaulah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ada dianggap kurang memuaskan, tanggungjawab kita adalah mencari penyelesaiannya. Sudah sampailah masanya untuk kita mengeneipkan politik pelampau dan perkauman. Pemimpin-pemimpin rakyat perlulah disegani oleh rakyat Malaysia yang berbagai kaum bukan kepada kaumnya sendiri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri di sini dengan harapan bahawa ekonomi negara kita akan pulih dan keseluruhan rakyat Malaysia berbangga dalam hidupan selamat terhormat. Sekian, terima kasih.

5.28 ptg.

Tuan Chan Choon Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1987.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya telah jelas menyatakan masalah-masalah kewangan kita. Wang pinjaman kita dari luar negeri telah bertambah banyak dan sumber-sumber pendapatan kita telah menjadi lemah. Kita telah mengeluarkan hasil yang banyak dan menjangka akan mendapat keuntungan yang lebih, tetapi malangnya pendapatan kita sebenarnya telah kurang. Komoditi utama kita yang telah lama kita bergantung yang juga merupakan sebahagian besar pendapatan nasional kita telah jatuh dengan banyaknya dalam harga. Pendek kata, kita tidak dapat menikmati taraf kehidupan kita seperti dahulu, kecuali kita bersama-sama menghadapi kenyataan dan mengambil langkah untuk mengurangkan perbelanjaan kita. Jika tidak, kita akan seperti negara lain menghadapi keruntuhan kewangan atau, dengan izin, financial collapse.

Belanjawan yang dibentangkan bolehlah dikatakan memuaskan. Kerajaan telah mengambil tindakan yang patut dengan tidak menaikkan cukai kecuali atas barang-barang kemewahan atau luxury items walaupun Kerajaan memerlukan sejumlah wang besar dalam menjalankan perancangan serta membayar hutang-piutang kita. Sebaliknya Kerajaan telah dengan bijaknya mengambil langkah untuk mengurangkan perbelanjaan. Dalam mengurangkan perbelanjaan, Kerajaan mestilah mengeneipkan dalam hal mendirikan bangunan-bangunan yang lawa atau yang indah walaupun bangunan itu adalah digunakan sebagai sekolah, rumah-rumah tinggi, masjid atau kompleks untuk dijadikan pejabat-pejabat Kerajaan.

Jika sekiranya bangunan-bangunan itu dikehendaki, Kerajaan mestilah membina bangunan-bangunan itu dengan harga yang rendah, barangkali menggunakan komoditi-komoditi negara kita seperti kayu-kayan atau timber yang ada sekarang, dengan izin, trimmings yang lain itu semua mesti dihapuskan. Barangkali kita tak patut sekarang membina bangunan-bangunan yang lawa seperti Rumah-rumah Tol itu kalau boleh direndahkan harganya. Kementerian yang berkenaan mestilah buat begitu. Projek-projek termasuk yang sedia ada sekarang, yang telah memakan perbelanjaan yang besar, yang telah dibuktikan tidak begitu diperlukan, mestilah dihapuskan. Ini mengikut pengkritik-pengkritik termasuk juga Dewan Negara.

Mengikut pengkritik-pengkritik sama ada dari Dewan Rakyat atau orang luar, Dewan Negara seperti tong sampah, Dewan Negara tidak berguna dan kritik-kritik ini datang bukan sahaja daripada pemimpin-pemimpin parti Pembangkang dan juga barangkali datang daripada pemimpin-pemimpin parti Barisan Nasional.

Saya ingin membaca laporan suratkhobar yang tersiar dalam **The STAR** sebelum pilihanraya itu diadakan. Ini adalah berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad bila dia bercakap kepada orang-orang di Kuching, dengan izin:

"I don't think Koh Tsu Koon will be very effective as a Senator. Senators don't act very much. We don't listen very much to them because they are nobody. They can give their opinion in the Senate and that's about all."

Selain dari itu barangkali ada juga komen-komen yang datang daripada orang lain dan kita harap bahawa apa yang dilaporkan itu tidak benar, tidak betul dan barangkali laporan itu diambil keluar daripada konteks. Kalau benar saya dengan hati yang ikhlas menyeru Kerajaan mengambil tindakan supaya Dewan yang mulia ini dibubarkan, dengan, tujuan menjimatkan kewangan. Sungguhpun wang yang dibelanjakan untuk Dewan Negara ini tidak tinggi, tetapi untuk rakyat barangkali baik. Adakah ini benar atau tidak?

Saya merujuk kepada Perlembagaan negara kita dalam Artikel 68, Constitution atau Perlembagaan, Dewan Negara ini mempunyai kuasa, satu di antaranya ialah kuasa melambatkan, melewatkan, atau dengan izin, delay Rang Undang-undang dan berkenaan dengan Rang Undang-undang Kewangan, Dewan Negara ini ada kuasa untuk melewatkan Rang Undang-undang itu selama satu bulan.

Berkenaan dengan bil-bil atau Rang Undang-undang yang lain, Dewan Negara ini ada kuasa melambatkan atau delay bill ini sekurang-kurangnya satu tahun, bukan itu sahaja Dewan Negara ini juga diberikan kuasa untuk veto atau batalkan pindaan Perlembagaan, dengan izin;

" with regard to Constitutional amendments,
this august House has the power to veto
amendments to the Constitution that are not
to the interest of che people of this
country."

Maka dengan kuasa ini orang-orang sepatutnya janganlahh memperkecil-kecilkan Dewan yang mulia ini, tetapi malangnya ada juga di antara rakan-rakan kita di dalam Dewan yang mulia ini nampaknya juga tidak faham, ada di antara mereka barangkali kecil nombornya langsung tidak mengeluarkan atau tidak pernah bertanya soalan-soalan

atau mengeluarkan pendapat-pendapat mereka di atas sesuatu dan barangkali yang malang sekali mereka yang tidak hadir di dalam Dewan ini.

Di sini saya merayu kepada rakan-rakan saya di Dewan ini gunakanlah segala privilege dan kuasa yang telah diberikan kepada kita oleh Perlembagaan, dan Kerajaan. Selain daripada mengurangkan perbelanjaan juga kita cuba bukan sahaja mengurangkan perbelanjaan di atas faktor-faktor yang lain, tetapi juga mengurangkan elaun-elaun Menteri, ini yang baik kerana Kerajaan telah menunjukkan bahawa Kerajaan adalah mengambil tindakan sebagai example, dengan izin, tetapi nampaknya potongan 20% atas elaun Menteri tidak begitu cukup, barangkali dalam masa yang akan datang. Kerajaan bolehlah memberitahu kepada kakitangan atau pegawai-pegawai tinggi janganlah memberikan kerajaan (entertainment) dengan begitu dan segala elaun-elaun kerajaan itu bolehlah dihapuskan pada masa sekarang dalam keadaan susah.

Dan satu pengaduan yang pokok dalam Belanjawan yang dibentangan adalah tentang kenaikan faedah pinjaman atas rumah kakitangan Kerajaan. Pengaduan ini bukanlah berpunca tiada sebab. Kenaikan yang tiba-tiba ini akan mengakibatkan mereka yang berkenaan menghadapi kesusahan dalam membayar balik pinjaman mereka. Ini mungkin akan mengakibatkan mereka yang terlibat melakukan jenayah, rasuah atau tindakan-tindakan yang melanggar undang-undang. Kerajaan telah menunjukkan pertimbangan ke atas mereka yang menghadapi kesusahan yang buruk dengan mengurangkan kenaikan faedah itu satu peratus. Ini adalah satu tindakan yang baik yang menunjukkan bahawa Kerajaan bukanlah satu Kerajaan yang tidak mendengar atau tidak tahu tentang perasaan rakyat.

Cukai 100% atas pencen tambahan yang diterima oleh kakitangan Kerajaan serta ahli-ahli politik adalah merupakan langkah yang betul. Sepatutnya Kerajaan telah menjalankan langkah ini lama dahulu. Saya memang bersimpati dengan mereka yang terpaksa mengubahsuai belanjawan diri mereka oleh kerana Kerajaan atas berpendapatan mereka yang telah dikurangkan. Kedudukan kewangan kami akan terus dalam keadaan buruk jika kita masih mengubahsuai sumber pendapatan utama kita iaitu terus bergantung kepada getah, kelapa sawit, timah serta petroleum kerana dalam hal ini, competition, dengan izin, yang datang daripada jiran kita sangat keen dan juga pasaran-pasaran luar negeri bagi barang-barang keluaran ini adalah terlalu tidak tentu (unpredictable) dan persaingan seperti yang saya katakan dari lain-lain negeri itu sangat hebat. Oleh yang demikian, masa sekarang kita mesti mencari bidang lain dan Kerajaan juga telah mengambil langkah yang baik iaitu untuk menggalakkan perusahaan

di negara kita. Kita tahu untuk menggalakkan perusahaan kita mestilah menggalakkan pelabur-pelabur dari luar negeri tetapi barangkali yang mustahak untuk menggalakkan pelabur-pelabur daripada negeri luar kita mesti yang pertama menggalakkan pelabur-pelabur tempatan. Dan untuk berbuat begitu, Kerajaan mestilah mengurangkan peraturan-peraturan yang ada masa dahulu di mana kebanyakan pelabur-pelabur itu berasa susah untuk melabur di sini kerana sesuatu peraturan yang mereka mesti mematuhi sebelum projek dapat dijalankan.

Begitu juga bagi pelabur-pelabur tempatan. Pada masa sekaang kita juga telah dapat maklumat bahawa Kerajaan juga memberikan insentif-insentif yang baik khasnya kepada pelabur-pelabur luar negeri. Tetapi apa yang mesti dijaminan oleh Kerajaan ialah peraturan-peraturan dan insentif-insentif yang diberikan ini tidak akan ditarik balik dalam masa yang singkat dan dalam hal ini kita harap bahawa Menteri yang berkenaan dapatlah memberikan jaminan kepada mereka yang hendak melabur di negeri kita ini. Barangkali satu insentif untuk menggalakkan orang melabur di negara kita ialah potongan cukai syarikat dengan beransur-ansur supaya dia dapat mencapai satu taraf yang sama dengan negara-negara lain di ASEAN ini dan dengan ini dapatlah kita bersaing dengan negara-negara ini untuk menggalakkan orang datang ke negeri kita untuk melabur.

Cara memungut atau mengucap cukai pendapatan secara automatik pasti akan menaikkan hasil pendapatan Kerajaan kita dalam jangka masa pendek. Walau bagaimanapun, Kerajaan mesti juga mengambil perhatian bahawa dengan cara begini wang yang dapat dibelanjakan oleh rakyat juga dikurangkan. Dan Kerajaan juga telah dengan betulnya memperuntukkan wang yang lebih banyak kepada sektor pertanian, ini sangat baik.

Ini mestilah merupakan satu tujuan yang boleh memastikan bahawa semua tanah-tanah yang terbiar ini dapat digunakan dengan sepenuhnya. Apa yang menyedihkan hati kita ialah bila kita pergi dari satu tempat ke tempat yang lain, dapatlah kita tengok atau nampak banyak tanah-tanah yang terbiar dan kita juga tahu ada ramai orang yang tidak berjaya memohon tanah yang dikehendaki mereka untuk menanam sayur-sayuran. Maka di sini saya dengan hati yang tulus ikhlas merayu kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan kepada Kerajaan Pusat supaya mengadakan satu koordinasi yang baik yang dapat menentukan bahawa tanah-tanah yang terbiar itu digunakan dengan sepenuhnya. Anak-anak tuan punya tanah telah tidak ada di kampung lagi, sudah pergi ke pekan yang besar dan kalau mereka tidak ada orang yang hendak bekerja, mereka cubalah menyewakan tanah-tanah yang terbiar itu kepada orang-orang yang lain yang berkehendakkan tanah.

Maka dengan ini sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1987. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam - lama sudah menunggu.

6.01 ptg.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1987.

Di sini saya yang mewakili masyarakat. Orang Asli mengucapkan tahniah dan setinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan 1987 di Dewan yang mulia ini pada 5hb Disember, 1986.

Dalam Kerajaan merancang untuk mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi tahun hadapan, satu arah mengurangkan pembabitan Kerajaan dalam ekonomi di samping memperkukuhkan kedudukan kewangan negara, beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mana ada di antaranya akan menguntungkan dan ada juga yang akan merugikan sama ada pihak Kerajaan ataupun beberapa pihak yang lain.

Dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang rendah dan kedudukan kewangan yang lembab, namun Belanjawan 1987 yang dibentangkan itu walau bagaimanapun tidak mengeneipkan tanggungjawab Kerajaan terhadap golongan rakyat yang berpendapatan rendah yang mana mereka ini masih memerlukan bantuan Kerajaan. Dalam hal ini ianya akan terus menyediakan pembiayaan yang cukup untuk projek-projek kemudahan asas, pelajaran, pertanian, kesihatan dan juga perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru selama 16 tahun yang lalu, Kerajaan telah membelanjakan beribu-ribu juta ringgit untuk membawa beberapa perubahan asas dalam struktur ekonomi dan sosio ekonomi negara serta kemajuan-kemajuan tertentu dalam usaha menyusun semula masyarakat dan juga sebahagian sektor kemiskinan telah dapat diperbaiki. Rakyat seharusnya berterima kasih kepada Kerajaan dalam segala usahanya untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru agar usaha ini akan diteruskan supaya matlamat serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat akan tercapai tanpa terbantu di separuh jalan.

Meskipun Dasar Ekonomi Baru berakhir pada tahun 1990 tetapi demi untuk memastikan keadilan sosio-ekonomi masyarakat majmuk serta perpaduan negara, Kerajaan seharusnya meneruskan dasar ini.

Dalam soal ini saya juga ingin menyarankan kepada Kerajaan pusat dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri dalam menghadapi kemelesetan ekonomi dan kedudukan kewangan negara yang lemah supaya bertindak tegas melaksanakan rancangan-rancangan untuk memastikan terus berlakunya pembangunan dan pembangunan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini di Dewan Rakyat, kita telah mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia berkata usaha-usaha akan diteruskan oleh Kerajaan dalam melaksanakan dan meneruskan matlamat-matlamat untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Buat permulaan dalam hal ini bagi tahun 1987, Kerajaan telahpun memperuntukkan sebanyak \$6,673 juta untuk pembangunan di luar dan di dalam bandar di mana tumpuan utama kemajuan ini adalah ke arah projek-projek yang meningkat dan mengembangkan infrastruktur ekonomi dan sosial bagi meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Kerajaan untuk menaikkan kadar faedah bagi pinjaman-pinjaman perumahan dari 4% kepada 6% masih rendah jika dibandingkan dengan kadar faedah yang dikenakan oleh bank-bank dagangan. Walau bagaimanapun beban mereka yang telah mengambil pinjaman, oleh kerana mereka terpaksa menambah bayaran ansuran bulanan dan setelah ditolak lain-lain tanggungan seperti bayaran caruman KWSP, cukai pendapatan dan lain-lain hutang, maka jumlah gaji bersihnya semakin sedikit. Dengan itu kemungkinan ada di antara mereka yang tidak mampu membayar balik pinjaman dan akan terpaksa hentikan pinjaman mereka. Dalam hal ini saya harap Kerajaan akan memberi kelonggaran kepada mereka untuk bayaran balik

pinjaman perumahan mereka supaya keadaan tidak mendesak sehingga memaksa mereka menjual rumah mereka kerana tidak berkemampuan membayar tanggungan-tanggungan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan khasnya Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Perdana Menteri, kerana mengambil berat dan dapat mengadakan tempat bagi Ibu Pejabat Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, berpindah daripada Wisma Keramat, Jalan Gurney ke Bangunan Tabung Haji di Jalan Tun Razak, di tempat yang lebih standard dan selesa dari segi segala kemudahan infrastrukturnya daripada tempat yang lama. Ini secara tidak langsung akan lebih menaikkan imej Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dari pandangan masyarakat umum, setanding dengan lain-lain jabatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kelima yang telah diluluskan bagi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk pembangunan terhadap masyarakat Orang Asli, saya harap pihak Kementerian Kewangan akan memberi pertimbangan semula supaya pemotongan peruntukan tersebut tidak berlipat gandakan, kerana saya difahamkan perancangan Rancangan Malaysia Kelima terhadap masyarakat Orang Asli telah banyak dibuat cadangan projek-projek bagi menafaatkan meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli yang masih banyak mahukan pembangunan, terutama sekali di kawasan pedalaman. Jika begitu banyak dipotong peruntukan Rancangan Malaysia Kelima dari apa yang telah diluluskan pada peringkat awalnya mengikut baki sekarang, maka saya percaya banyaklah projek yang dicadangkan oleh pihak Jabatan tidak akan dapat dilaksanakan seperti mana mengikut jadualnya dan masyarakat Orang Asli akan berasa hampa kerana menunggukan projek yang dijadualkan tidak tiba. Walaupun kita faham pemotongan peruntukan sedemikian rupa adalah disebabkan kemelesetan ekonomi

negara, sekali lagi saya berharap pihak berkenaan akan dapat pertimbangan di atas perkara tersebut. Sebab saya menganggap peruntukan pembangunan kepada masyarakat Orang Asli ini ialah sebagai sebahagian dari slogan Barisan Nasional semasa pilihanraya umum baru-baru ini iaitu "Tradisi Membela Rakyat". Mereka ini kebanyakannya rakyat luar bandar yang memerlukan pembangunan dan segala kemudahan asas.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi di bawah Kementerian Dalam Negeri, berkenaan cadangan projek Wad dua tingkat di Hospital Jabatan Hal Ehwal Orang Asli baru di Gombak yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, semasa beliau melawat Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Gombak pada awal bulan Disember, 1985, yang berharga \$3.4 juta; dan juga dua buah projek asrama untuk menempatkan pelajar-pelajar Orang Asli dari kawasan pedalaman bagi memudahkan mereka ke sekolah yang berhampiran dan seperti yang dicadangkan, tempat-tempatnya ialah satu di daerah Raub, Pahang dan satu lagi di Bukit Lanjan, Selangor. Ketiga-tiga projek itu, saya difahamkan akan dilaksanakan dalam peruntukan Rancangan Malaysia Kelima. Saya harapkan ketiga-tiga projek tersebut akan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin, demi untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada para pelajar dan pesakit-pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Pelajaran. Saya telah difahamkan bahawa satu rundingan di antara pihak Kementerian dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah diadakan untuk mengambil alih beberapa buah sekolah Orang Asli di bawah pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Untuk itu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Saya harap perkara ini akan

dapat dilaksanakan secepat mungkin, memandangkan sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tidak mempunyai tenaga pengajar yang mahir dan kebanyakan murid daripada sekolah-sekolah ini diajar hanya daripada Darjah I hingga Darjah 3. Sekiranya mereka ingin meneruskan pelajaran mereka terpaksa berpindah ke sekolah berasrama di bandar. Biasanya peratus mereka yang ingin meneruskan pelajaran adalah sedikit. Ekoran daripada itu saya khuatir adanya lebih banyak lagi buta huruf di kalangan masyarakat Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Kesihatan pula, saya telah difahamkan bahawa masalah penyakit Malaria di kalangan masyarakat Orang-orang Asli, terutamanya di kawasan pedalaman telah menjadi satu masalah yang amat serius. Ramai Orang-orang Asli telah mengidap penyakit ini dan dari hari ke hari peratusan yang mengidapnya telah meningkat ke tahap yang agak membimbangkan. Sebenarnya, perkara ini telahpun diambil tindakan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tetapi tidak berkesan kerana disebabkan oleh beberapa masalah tertentu. Oleh yang demikian, saya sangat berharap supaya Kementerian Kesihatan mengambil satu tindakan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian Kesihatan berkenaan dengan sebuah klinik bidan di Fort Iskandar, Tasik Bera iaitu salah satu dari perkampungan Orang Asli di daerah Temerloh, Pahang. Masalahnya di sini ialah klinik bidan telah ditubuhkan pada tahun 1970an itu hanya berfungsi selama beberapa tahun sahaja, kemudian klinik itu ditinggalkan begitu sahaja di masa khidmatnya amat diperlukan oleh penduduk kampung. Oleh itu, di sini saya memohon supaya klinik itu dapat difungsikan kembali. Selama ini kebanyakan kaum-kaum ibu di kampung tersebut menggunakan bidan kampung iaitu mengamalkan bidan secara tradisional yang mana ini tidak menjamin keselamatan bayi dan ibu tersebut.

Sekiranya pihak Kementerian Kesihatan ingin mengadakan kembali fungsi klinik bidan itu, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian mengambil gadis-gadis Orang Asli untuk menjalani latihan berkenaan dengan kursus bidan. Rancangan ini bukan hanya perlu di Kampong Iskandar sahaja, malahan saya syorkan supaya ianya dijalankan di kampung-kampung Orang Asli yang lain yang lebih ramai penduduknya di tempatkan bidan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Kementerian Penerangan iaitu berkenaan rancangan siaran radio bagi masyarakat Orang Asli di RTM. Sekarang ini masanya dua jam sahaja iaitu daripada jam 2.00 hingga 4.00 petang. Masa ini terlalu singkat dan juga masa siarannya itu tidak berapa sesuai kerana jam 2.00 hingga 4.00 petang itu kebanyakan Orang-orang Asli sedang sibuk bekerja. Oleh itu, diharapkan agar pihak Kementerian dapat melanjutkan waktu siaran bagi Orang-orang Asli hingga ke jam 6.00 petang dan juga mengapa siaran gelombong bagi orang-orang Asli tidak berapa jelas kedengarannya, terutama di kawasan Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin lagi bertanya kepada Kementerian Penerangan mengenai filem-filem video yang berada di pasaran sekarang ini. Adakah Kementerian berkenaan dan Lembaga Penapis Filem telah dapat memastikan yang filem-filem video itu betul-betul telah ditapis sebelum diluluskan untuk dipasarkan di kedai-kedai video untuk dijual kepada pelanggan-pelanggan mereka atau sebaliknya. Sebab apabila ditayangkan masih ada lagi adegan-adegan yang menjolok mata, terutama sekali filem-filem dari Barat dan kalau dibiarkan berleluasa filem-filem yang tidak ditapis ini akan merosakkan moral di kalangan kanak-kanak baru remaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya menyentuh Kementerian Perusahaan Utama. Saya ingin menyarankan kepada Kementerian berkenaan supaya dusun-dusun durian Orang Asli yang beratus-ratus ekar yang terdapat di dalam kawasan Hutan Simpan Jabatan Hutan dapat dikeluarkan daripada rizab hutan simpan dan dijadikan tanah dusun rizab kawasan Orang Asli yang kekal, yang mana terdapat di Pahang, Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan lain-lain negeri, jika ada. Dusun-dusan durian kepunyaan Orang Asli ini kebanyakannya ditanam oleh datuk, nenek, moyang mereka semasa lari di pendalaman hutan semasa Perang Jepun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya menyarankan kepada Kementerian berkenaan supaya dapat mengenalpasti membawa masuk perusahaan perindustrian kecil ke Kampung Orang Asli di pendalaman yang ramai penduduknya dengan menggunakan bahan tempatan demi untuk mengadakan pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup ekonomi kepada penduduk di tempat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, langkah-langkah tegas Belanjawan 1987 bukan sahaja akan memperbaiki kedudukan kewangan Kerajaan, juga membolehkan pertumbuhan ekonomi bagi kepentingan negara. Usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti sambil mengurangkan kos perbelanjaan perlu diterima oleh orang ramai. Walau bagaimanapun, saya percaya ramai rakyat yang bersedia berusaha dan berkorban untuk memulihkan ekonomi negara untuk kepentingan kita bersama.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Belanjawan 1987 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada masa lagi, kalau tidak habis, boleh sambung sedikit esok hari. Siapa yang mahu berucap? Yang Berhormat Senator Hajah Salbiah.

6.15 ptg.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin memperkatakan sedikit berkenaan Rang Undang-undang Perbekalan 1987 ini. Oleh kerana masa yang pendek ini, saya ingin sentuh beberapa perkara dalam perkara-perkara yang tidak disentuh oleh rakan-rakan yang telah bercakap lebih awal,

Menyentuh B.4 - Suruhanjaya Pilihanraya. Dalam Pilihanraya Umum yang baru lalu, Barisan Nasional telah berjaya sebagaimana yang dikehendaki, walaupun parti Pembangkang melaung-laungkan supaya mengurangkan majoriti 2/3 Ahli-ahli Kerajaan di dalam Dewan, tetapi Kerajaan kita telah berjaya sebagaimana yang dikehendaki,

Apa yang ingin saya perkatkan iaitu berkenaan daftar pemilih. Sekali lagi saya ulangi, daftar pemilih ini haruslah diperbaiki untuk tahun-tahun yang akan datang dan cara pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai pendaftaran itu. Kalau dulu pendaftaran pergi ke rumah-rumah di dalam kawasan-kawasan yang ditugaskan, tetapi pada masa sekarang mereka duduk sahaja di satu-satu tempat, mengharapkan orang ramai datang mendaftar, dengan masa-masa yang tertentu.

Kadang-kadang dalam satu tempoh pendaftaran semula terdapat ada orang yang sudah berpindah rumah, oleh itu dalam satu tempoh itu kadangkala satu pegawai itu dapat dua tiga orang mendaftar, tetapi elaun dia tetap sebagaimana yang ditentukan. Jadi saya rasa pada masa yang akan datang hendaklah setimpal elaun dengan pekerjaannya supaya dia membuat kerja sebagaimana yang telah lalu iaitu pergi ke rumah-rumah, ke kampung-kampung untuk pendaftaran orang baru dan menyemak semula.

Jadi itu lebih berkesan dan tahulah **dia**, orang yang sudah mati, ada yang pindah supaya namanya itu tidak lagi tercatat kalau dia sudah meninggal dunia. Dan kalau tidak boleh, ditugaskan kepada pihak-pihak yang tertentu, janganlah dipilih oleh jabatan-jabatan daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang duduk di pejabat-pejabat daerah sahaja kerana dia tak begitu mengambil berat perkara itu, tak dipandang berat pada dia.

Orang datang mendaftar pun tidak apa, tidak datang pun tidak apa, dia fikir macam itu sahaja. Tetapi kalau kepada orang-orang yang tertentu, pertamanya Ketua-ketua Kampung, maka mereka akan beratkan perkara ini. Dia akan ambil berat orang kampung, dia mendaftar atau tidak.

Satu lagi tempat-tempat pegawai pendaftaran ini, kalau di kampung-kampung, di rumah Ketua Kampung, di Balai-balairaya, ini baik ataupun di sekolah-sekolah, baguslah, tetapi kalau di kedai kopi, kadang-kadang kampung yang berdekatan dengan kedai kopi dia tidak buat di dalam kawasan kampung, tetapi dia pergi ke kedai kopi. Siapakah yang hendak pergi ke kedai kopi ini? Selain daripada orang lelaki, orang-orang perempuan dia tidak berapa suka pergi kedai itu, terutama sekali gadis-gadis, dia hendak pergi ke kedai kopi untuk pendaftaran, ini memang berat sekali, jadi itulah sebabnya banyak ketinggalan dan patut diubah perkara ini.

Saya hendak sentuh pula B.15 - Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Perancang Bandar dan Desa ini saya rasa patut kita beralih pula daripada bandar ke desa, kerana negara kita telah merdeka 30 tahun, tetapi desa kita masih macam desa. Perancangan sahaja ada, tetapi pelaksanaan kurang sekali, jadi patutlah pada masa-masa yang akan datang rancangan desa-desa itu diperbaiki. Kalau tidak ada taman rekreasi atau apa yang baik untuk desa, maka haruslah dirancangan dan dilaksanakan.

Saya menyentuh Kementerian Kesihatan B.34. Kita rasa bangga dengan Kementerian Kesihatan dan juga hospital-hospital kita tetapi pada pandangan mata saya kalau kita bandingkan semasa penjajah dan semasa kita mencapai kemerdekaan, kebersihan kurang. Jadi saya rasa patutlah di ambil berat tentang kebersihan dalam hospital-hospital.

Menyentuh Jabatan Penjara iaitu B.40, saya rasa perbelanjaannya banyak, patut kita kurangkan sedikit kepada yang tertentu, tambah kepada yang lain, kurangkan kepada yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang salah atau banduan-banduan ini diberi makan yang secukupnya, bukanlah kita tidak berperikemanusiaan tetapi kadang-kadang banduan ini lebih makan enak daripada pegawai-pegawai yang menjaga. Badan mereka lebih sihat dan tegap, kerana daging, ayam dua kali seminggu. Pegawai-pegawai yang bertugas tidak mampu untuk berbuat demikian, jadi mereka tidak takut masuk ke penjara, dia jari jalan untuk masuk ke penjara sebab dia sudah masuk ke penjara sekali, keluar penjara dia tersisih daripada masyarakat, dia akan buat salah supaya dia masuk ke penjara, kerana penjara menyara hidup dia lebih senang, makan dia kenyang, kalau dia buat kerja pun hatinya senang, sebab masalah makan dia tidak payah cari lagi.

Beralih pula kepada B.44 - Kementerian Penerangan. Saya tidak hendak menyentuh fasal TV dan radio, tetapi saya hendak menyentuh kepada buku-buku kecil pemberian daripada Kementerian Penerangan, Saya rasa ada beberapa bahasa dicetak, tetapi kurangkan kepada cetakan bahasa-bahasa lain, lebihkan kepada Bahasa Kebangsaan. Dengan ini kita akan dapat meninggikan mutu Bahasa Kebangsaan dan menggalakkan rakyat untuk membaca buku-buku daripada Bahasa Kebangsaan kerana buku-buku yang dicetak daripada bahasa-bahasa lain itu kadang-kadang orang itu sendiri pun tidak mahu, jadi membazir wang daripada Kementerian Penerangan.

Beralih kepada B.51 - Kementerian Tenaga dan Telekom. Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap di atas pengalaman. Peruntukan banyak, tetapi mereka juga pungut banyak, kadang-kadang tidak padan kepada orang yang menggunakan talipon. Berapa banyak pada masa

sekarang ini, terutama di Pulau Pinang, saya tahu, satu-satu rumah yang menggunakan talipon tidak sepadan dengan yang hendak dibayar-nya.

Kadang-kadang inilah sebabnya mereka tidak mahu menggunakan talipon kerana bayaran yang tidak dijangka berlaku, sampai \$600.00 sebulan. Ada seorang rakan \$1,200.00, ada yang seorang lain \$1,800.00, selepas itu pula bil untuk tahun 1982, tahun 1986 dia pungut, dia kata awak tidak bayar bil untuk tahun 1982 iaitu bulan Ogos dan September, mesti dijelaskan pada masa sekarang, kalau tidak dijelaskan, talipon akan dipotong dan apabila kita hendak pasang semula dikenakan bayaran \$50.00. Bagaimanakah ini? Bila kita bercakap - saya juga telah menyemak perkara-perkara ini di masa lampau, semasa saya belum masuk ke Dewan ini, tetapi nampaknya jawapan ada, tetapi untuk dijelaskan kepada rakyat tidak ada dan masih lagi berlaku perkara demikian. Apa kata orang ramai, ia menumpukan segala tuduhan ini kepada Kerajaan, menumpukan tuduhan ini kepada pegawai-pegawai yang bekerja di Jabatan Telekom dan mengatakan ada rasuah di sana. Jadi, bila kita mendengar demikian, memang rasa bimbang, terlampau banyak sangat orang menuduh kepada Kerajaan, ini bagaimana. Inilah yang patut kita perhatikan. Jawapan sebagaimana kata rakan-rakan saya, jawapan untuk melepaskan jawapan sahaja, tetapi pelaksanaan di atas jawapan itu kurang memuaskan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya menyentuh kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah, iaitu Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang atau yang dinamakan PERDA. PERDA ini telah wujud beberapa tahun dan telah merancang untuk menjalankan aktiviti-aktiviti PERDA, tetapi tiada peruntukan, bila dia bercakap atau memberi ceramah ke kampung-kampung mengatakan projek mereka akan dijalankan, maka rakyat di kampung-kampung ini dan di kawasan-kawasan ini ingin me-

majukan sesuatu kawasan itu maka mereka menuju kepada PERDA, bila pergi kepada PERDA, jawapannya, bahawasanya PERDA memang wujud, tetapi peruntukan tidak ada. Jadi gagallah rancangan-rancangan itu, seolah-olah kita memberi taklimat atau memberi ceramah itu, macam orang di Pulau Pinang kata "Pukul Gendang Raya, tidak ada isi".

Tuan Yang di-Pertua, untuk penghabisannya saya walau bagaimana pun menyokong penuhlah di atas Akta Perbekalan 1987 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji, masa sudah 6.30, jadi terpaksa kita tangguhkan persidangan ini sampai esok jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.